

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**2021**

**HARI SELASA : 14 SEPTEMBER 2021**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 60 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI UTAMA HAJI  
MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR  
[JERLUN]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan rasional lebih banyak kilang dibenarkan untuk beroperasi pada ketika jumlah kes COVID-19 di dalam negara semakin meningkat. Jelaskan tentang faktor kluster kilang-kilang yang menyumbang kepada peningkatan kes COVID-19 di dalam negara.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di peringkat awal penularan pandemik COVID-19 pada tahun ini, dengan berpandukan nasihat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara di bawah Akta Kawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit (Akta 342). Walau bagaimanapun, bagi memastikan kesinambungan serta kelangsungan operasi perkhidmatan perlu termasuk sektor-sektor pengilangan yang kritikal seperti elektrikal & elektronik, peranti perubatan, farmaseutikal serta makanan dan minuman, syarikat-syarikat dalam sektor ini dibenarkan untuk terus beroperasi, tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) ketat yang ditetapkan sepanjang PKP seperti had jumlah pekerja yang dibenarkan bagi satu-satu masa dan waktu operasi yang terhad.

Namun demikian, kebenaran pembukaan operasi sektor-sektor perkilangan tersebut telah menjurus kepada persepsi rakyat bahawa sektor pengilangan adalah penyumbang utama kepada punca penularan kes COVID-19 yang tinggi.

**Taburan Data Kes Sektor Pembuatan**

Dalam hal ini, kita harus melihat situasi ini dengan lebih objektif dan terperinci iaitu dari sudut fakta jumlah setiap kes baru individu harian yang dilaporkan. Suka saya berkongsi data daripada *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) KKM yang menunjukkan bahawa dari **1 Jun 2021 hingga 30 Ogos 2021**, terdapat **2,521 kluster** secara keseluruhan dan dari jumlah tersebut kluster pembuatan merekodkan **761 kluster** atau **30.2%** yang meliputi **70,317 kes**, iaitu **6.1%** daripada jumlah keseluruhan **kes baru nasional** yang dicatatkan iaitu sebanyak **1,153,000 kes** bagi tempoh yang sama.

Oleh yang demikian, adalah tidak tepat untuk mengatakan hampir keseluruhan kes COVID-19 di negara kita adalah berpunca daripada penularan dalam sektor pengilangan semata-mata kerana bagi tempoh seperti yang saya nyatakan tadi, **hanya 6.1% sahaja yang berkaitan dengan sektor pembuatan. Penyumbang terbesar jumlah kes, iaitu hampir 70% datangnya daripada kes sporadik**, yang bukannya berbentuk kluster.

Saya ingin memaklumkan bahawa tindakan Kerajaan untuk membenarkan sektor pengilangan tertentu beroperasi adalah berdasarkan penelitian terperinci melalui mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN). Keputusan adalah dibuat secara bersama setelah mengambil kira pandangan pelbagai Kementerian termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendekatan yang diambil adalah melibatkan pertimbangan di antara kesihatan dan kelangsungan hidup. Sektor-sektor yang diberi keutamaan adalah perkhidmatan perlu yang terlibat dalam menyokong keperluan asas yang diperlukan rakyat iaitu makanan, minuman, ubat-ubatan, peralatan perubatan, dan aktiviti-aktiviti rantaian bekalan yang menyokong sektor-sektor ini.

### **Impak Pelaksanaan PKP Kepada Ekonomi Dan Sosioekonomi**

MITI juga cakna tentang keperluan mustahak bagi memastikan keseimbangan kehidupan dapat diteruskan dan kadar pengangguran dapat dikurangkan. Ketika tempoh PKP 1.0 tahun lalu, Kementerian Kewangan Malaysia menganggarkan bahawa negara mengalami kerugian sebanyak RM2.4 bilion setiap hari sepanjang tempoh tersebut. Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan pada Mei 2020, negara merekodkan kadar pengangguran bulanan tertinggi iaitu 5.3% dengan 826,100 orang penganggur, jumlah tertinggi dalam tempoh 27 tahun. Pada Julai 2021, kadar pengangguran yang dicatatkan adalah 4.8%, melibatkan 778,200 orang. Jika PKP dilaksanakan semula seperti mana pada awal tahun lepas di mana hampir keseluruhan sektor ekonomi termasuk sektor pengilangan ditutup, adalah dianggarkan jumlah pengangguran ini akan meningkat kepada hampir 1 juta orang yang juga

rata-rata merupakan ketua keluarga kepada berjuta lagi rakyat Malaysia dan ini akan memberi impak sosioekonomi yang lebih serius seperti peningkatan masalah sosial dan kadar jenayah.

Terdapat banyak syarikat terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terkesan dari segi aliran tunai, berdepan tindakan perundangan, kehilangan pelanggan serta pasaran dan ada yang sehingga terpaksa menggulung tikar tidak sanggup menanggung kerugian dan bebanan kos perniagaan yang menyumbang kepada peningkatan kadar pengangguran dan merencatkan pertumbuhan ekonomi negara. Oleh yang demikian, adalah penting pembukaan sektor ekonomi dapat disegerakan bagi kelangsungan kesejahteraan setiap anggota masyarakat terutamanya golongan B40 dan M40.

Dalam hal ini, MITI telah mengambil langkah-langkah yang tersusun dan terancang khususnya dalam membantu pembukaan semula sektor ekonomi secara berfasa dan selamat bagi mengurangkan kadar pengangguran. Pembukaan sektor pengilangan yang masih tertakluk kepada pematuhan SOP yang ketat serta kadar vaksinasi pekerja, diambil berdasarkan kepada keperluan ekonomi negara untuk kekal berdaya saing memastikan rantaian bekalan tidak terencat dan pelaburan tidak terjejas. Saya ingin mengambil contoh satu sektor iaitu sektor elektrikal dan elektronik (E&E). Keputusan Kerajaan untuk membenarkan sektor E&E dibuka sepanjang tempoh PKP, PKPD di Selangor, Seremban dan Senai serta PPN adalah berdasarkan fakta dan data bagi mengimbangi keperluan kesihatan awam dan kelangsungan kehidupan rakyat. Suka saya kongsikan beberapa fakta penting tentang sektor ini yang mendorong Kerajaan mengambil keputusan untuk membuka sektor ini. Pertama, ianya merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara, dengan nilai RM20.77 bilion atau 25.4% daripada keseluruhan KDNK sektor pembuatan pada suku kedua tahun 2021. Keduanya, dari segi eksport sehingga Jun 2021, sektor E&E menyumbang sebanyak RM386.29 bilion atau kira-kira 40% daripada nilai keseluruhan eksport barang. Ketiga, sektor ini telah menyediakan lebih 400,000 pekerjaan. Keempat, sekurang-kurangnya 20,000 syarikat berstatus PKS terlibat di dalam rantaian bekalan kepada

pengilang-pengilang tersebut. Fakta-fakta ini memperlihatkan kepentingan kesinambungan operasi sektor ini bagi menjamin kelangsungan ekonomi negara terutamanya dalam sektor pengilangan .

Selain itu, Malaysia juga merupakan antara pembekal utama komponen dan produk E&E bagi rantaian bekalan dunia. Kegagalan Malaysia untuk membekalkan cip dan komponen elektronik ini kepada pengeluar utama komponen automotif dan peralatan serta barang elektronik dunia akan menyebabkan kekurangan bekalan sehingga boleh memberi kesan kepada pengeluar-pengeluar dunia bagi penghasilan produk akhir seperti peranti perubatan, automotif, aeroangkasa dan sebagainya. Hal ini akan menyebabkan status Malaysia sebagai hub E&E dunia terjejas dan dipandang negatif dan seterusnya boleh mempengaruhi pelabur-pelabur asing untuk memilih negara-negara lain sebagai destinasi pelaburan pilihan mereka. Sekiranya perkara ini berlaku, segala usaha kita selama lebih 50 tahun untuk memantapkan ekosistem industri negara menjadi sia-sia dan hilang dalam sekilip mata memandangkan pelaburan yang dipindahkan ke negara lain berkemungkinan sukar untuk kembali ke dalam negara.

Saya juga ingin menjelaskan bahawa walaupun sektor E&E ini dibenarkan beroperasi, mengikut data yang dikeluarkan oleh CPRC dari 1 Jun hingga 23 Julai 2021, kes positif baharu yang dilaporkan bagi sektor ini adalah hanya 9,026 kes, merangkumi hanya 2.2% peratus dari bilangan keseluruhan kes harian terkumpul yang direkodkan dalam tempoh yang sama. Oleh yang demikian, saya berpendapat pendekatan penutupan atau *lockdown* secara bersasar adalah lebih efektif daripada kita mengambil pendekatan mudah dengan menutup semua kilang, walaupun tidak berlaku lonjakan kes, yang mana tindakan ini boleh menjaskan mata pencarian ramai rakyat Malaysia.

### **Struktur Rantaian Bekalan dalam Aktiviti Pembuatan**

Suka saya ingin tekankan bahawa penghasilan barang termasuk barang keperluan adalah melalui suatu sistem rantaian yang sangat kompleks di mana ianya melibatkan pelbagai peringkat pengeluar dan

## NO SOALAN: 10

memerlukan input daripada setiap pengeluar barang lain bagi menghasilkan produk akhir bagi kegunaan pengguna. Tiada satu pun pengeluar yang boleh menghasilkan barang siap dengan sendiri sepenuhnya.

Sebagai contoh mudah, bagi menghasilkan sebuku roti, syarikat perlu mendapatkan bahan mentah seperti tepung, telur dan yis, yang dibekalkan oleh syarikat lain. Bagi memproses roti tersebut, syarikat perlu mendapatkan ketuhar atau mesin bersesuaian daripada pembekal mesin dan peralatan untuk tujuan mengadun dan membakar. Seterusnya, produk roti yang telah siap perlu dibungkus dengan menggunakan plastik pembungkusan dan label yang dibekalkan oleh syarikat pengeluar dan pengedar barang plastik serta syarikat percetakan. Oleh yang demikian, sekiranya kita mengatakan roti itu adalah satu keperluan dan kilang pembuatan roti perlu terus beroperasi, di masa yang sama setiap peringkat di dalam rantaian bekalan atau *supply chain* yang berkaitan juga perlu dibenarkan untuk beroperasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID  
[KEMAMAN]

**TARIKH** : 14 SEPT 2021 (SELASA)

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan harga komoditi buah tandan segar (BTS) semasa dan strategi berterusan bagi memastikan harga tersebut kekal stabil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Harga komoditi buah tandan segar (BTS) semasa dan strategi berterusan bagi memastikan harga tersebut kekal stabil:

**I. Harga BTS Semasa**

- i. Harga BTS ketika ini diurusniagakan tinggi selari dengan pengukuran harga minyak sawit mentah (MSM) di pasaran.
- ii. Harga BTS (Semenanjung Malaysia) pada bulan Ogos 2021 adalah pada RM975 satu tan berbanding RM873 satu tan pada bulan Julai 2021.
- iii. Manakala, bagi tempoh dari bulan Januari hingga Ogos 2021 pula harga purata BTS (Semenanjung Malaysia) telah

meningkat sebanyak 73.3% kepada RM872 satu tan berbanding RM503 satu tan pada tempoh sama pada tahun 2020.

- iv. Peningkatan harga BTS di pasaran pada tempoh ini adalah kesan daripada pengukuhan harga MSM. Harga purata MSM untuk tempoh dari bulan Januari hingga Ogos 2021 telah meningkat sebanyak 66.4% kepada RM4,150.50 satu tan berbanding RM2,494.00 satu tan untuk tempoh sama pada tahun 2020. Harga purata bulanan MSM tertinggi sebanyak RM4,572.00 satu tan telah dicapai pada Mei 2021.

## **II. Strategi Bagi Memastikan Harga BTS Kekal Stabil**

- i. memperkasa pasaran sawit di Timur Tengah dan Afrika; dan mengukuhkan semula hubungan baik dengan negara pengeksport utama minyak sawit dunia seperti India;
- ii. Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Program B20 di sektor pengangkutan yang telah dimulakan di Pulau Langkawi dan Wilayah Persekutuan Labuan pada bulan Januari 2020. Ia diikuti pelaksanaan di Sarawak pada September 2020. Malah, Program B7 di sektor industri yang dilaksanakan sejak Julai 2019 juga tetap diteruskan; dan
- iii. pelaksanaan secara mandatori Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Ia bagi memastikan minyak sawit terus berdaya saing dari segi tahap kualiti dan kelestarian dengan minyak sayuran lain dunia.

Berdasarkan petunjuk-petunjuk terkini, iaitu paras stok minyak sawit yang rendah (di bawah 2.0 juta tan), eksport minyak sawit yang mengukuh kesan daripada pemulihan ekonomi dunia, pengeluaran MSM yang menyusut dan harga minyak kacang soya yang tinggi di pasaran dunia, adalah diunjurkan harga MSM akan terus kekal stabil di pasaran sehingga Disember 2021. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN (SELANGAU)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek Trans - Borneo Highway di sebelah negara kita walaupun perpindahan ibu negara Indonesia telah ditunda. Jika ada, apa status terkini perancangan Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Trans Borneo merupakan projek rangkaian jalan raya yang menghubungkan negeri Sabah dan negeri Sarawak dengan negara Brunei Darussalam dan Kalimantan di Indonesia. Kerajaan komited untuk meneruskan projek Lebuhraya Trans – Borneo di mana jajaran bagi Lebuhraya Trans Borneo ini terdiri daripada Lebuhraya Pan Borneo, *Sarawak-Sabah Link Road (SSLR)* dan beberapa jajaran di Lebuhraya Trans Borneo yang masih belum dilaksanakan (*missing links*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Lebuhraya Trans Borneo Jajaran Kalabakan–Serudong telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah Inisiatif Belanjawan 2020. Kerajaan Persekutuan semasa pengumuman Belanjawan 2020 telah meluluskan sebanyak RM600 juta bagi projek pembinaan jalan baharu dari Kalabakan ke Serudong dan menghubungkan Simanggaris di Kalimantan Utara, Indonesia termasuk pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (CIQS). Selaras dengan pengumuman tersebut, Kerajaan telah bersetuju untuk menjalankan kajian awalan bagi projek ini.

Walau bagaimanapun, projek ini telah ditangguhkan pelaksanaannya berikutan daripada perubahan dasar kerajaan semasa dan semakan semula keutamaan projek-projek pembangunan jalan di Sabah dan Sarawak berdasarkan peruntukan kewangan yang terhad.

Namun demikian, Kerajaan pada masa ini sedang meneliti semula cadangan projek ini melalui inisiatif Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA). Kementerian ini juga akan meneliti semula cadangan projek ini sekiranya dimohon dalam Rolling Plan RMKe-12 yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk

dibina. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 [ SELASA]**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk membina struktur penghadang ombak untuk menghalang hakisan tanah pantai di kawasan-kawasan yang terlibat seperti di Kampung Paloh, Kampung Kedang, Kampung Sebako dan Kampung Belawai dan bilakah projek-projek ini akan dimulakan.

## **SOALAN NO: 13**

### **JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bagi mengatasi masalah hakisan pantai di beberapa kawasan kampung di Daerah Tanjung Manis, Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memohon peruntukan sebanyak RM12 juta di bawah *Rolling Plan* ke-2 (2022), RMKe-12 untuk Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Kampung Paloh Lama serta kawasan sekitar, Tanjung Manis, Bahagian Mukah, Sarawak. Tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi (EPU), projek ini dijangka dapat dimulakan pada 2022 dan dijangka siap pada 2025.

Hakisan pantai di Kampung Paloh, Kampung Kedang, Kampung Sebako dan Kampung Belawai adalah berada di dalam kategori 3 berdasarkan National Coastal Erosion Study (NCES) 2015. Kementerian akan mengambil langkah-langkah sementara untuk kurangkan hakisan dan akan turun ke lapangan untuk membuat lawatan. Untuk tindakan jangka pendek, pihak JPS juga telah memohon peruntukan bagi kerja-kerja kecemasan terhadap banjir dan hakisan bagi seluruh negara dalam Rolling Plan 2 (RP2) untuk tahun 2022.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN (SUBANG)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan:

- (a) tindak balas dan kedudukan Kerajaan terhadap laporan Panel Perubahan Iklim antara Kerajaan (IPCC) yang diterbitkan baru-baru ini; dan
- (b) adakah Malaysia perlu mengemas kini dan memperkuatkan komitmennya terhadap Perjanjian Paris.

**JAWAPAN**

**(a)**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Secara umumnya, Malaysia mengalui-alukan hasil laporan Kumpulan Kerja 1 (*Working Group 1*) kepada *Intergovernmental Panel on Climate Change* (IPCC) mengenai Sains Fizikal Perubahan Iklim (*Physical Science Basis of Climate Change*). Delegasi Malaysia telah mengikuti persidangan IPCC ke-54 secara dalam talian dari 26 Julai sehingga 6 Ogos 2021 bagi menilai hasil laporan tersebut. Laporan ini akan menyumbang kepada penyediaan laporan *IPCC The Sixth Assessment Report* (IPCC AR-6) yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun 2022. Laporan Kumpulan Kerja 1 IPCC tersebut akan menjadi salah satu input penting bagi menyokong pelaksanaan agenda perubahan iklim negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan mengintegrasikan hasil penemuan sains fizikal perubahan iklim laporan tersebut ke dalam proses pembangunan dasar dan pelan pembangunan negara termasuk yang berkaitan dengan penyelidikan klimatologi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, delegasi Malaysia yang diketuai oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air telah mengikuti proses perbincangan bagi memuktamadkan penyediaan Laporan Penilaian ke-6 sejak tahun 2017. Ini adalah termasuk proses bagi memuktamadkan laporan khas IPCC (*IPCC Special Reports*) mengenai 1.5 darjah Celsius pemanasan global, ekosistem darat, dan ekosistem lautan.

**(b)**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan Malaysia telah mengemaskini komitmen pengurangan pelepasan GHG negara kepada Perjanjian Paris yang dikenali sebagai *Nationally Determined Contribution* (NDC). Proses mengemaskini NDC Malaysia kepada Perjanjian Paris telah bermula pada tahun 2020. NDC negara dikemaskini berdasarkan keputusan UNFCCC iaitu panduan yang

## **SOALAN NO : 14**

dinamakan sebagai informasi untuk penjelasan lanjut, ketelusan dan kesefahaman NDC (*ICTU guidance*).

Walaupun pandemik COVID-19 sedikit sebanyak mengganggu proses pengemaskinian NDC tersebut, namun kerajaan telah berjaya melengkapkan proses tersebut pada tahun 2021. NDC Malaysia yang dikemaskini telah dikemukakan kepada UNFCCC pada 30 Julai 2021 setelah dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

Melalui NDC yang dikemaskini, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca yang merentas ekonomi sebanyak 45% (berdasarkan KDNK) pada tahun 2030 berbanding tahapnya pada tahun 2005. Sasaran NDC negara yang dikemaskini menyatakan komitmen yang lebih tinggi berbanding sasaran NDC sebelum ini atas justifikasi seperti berikut

- i. sasaran pengurangan 45% intensiti pelepasan gas rumah kaca yang merentas ekonomi adalah dibuat tanpa syarat (*unconditional*). Ini bermaksud Malaysia akan mencapai sasaran tersebut dengan keupayaan dan kemampuan sendiri;
- ii. sasaran NDC negara yang dikemaskini juga adalah 10% lebih tinggi daripada sasaran sebelum ini, iaitu 35%;
- iii. peluasan skop gas rumah kaca di dalam NDC negara yang dikemaskini adalah merangkumi tujuh jenis gas rumah kaca berbanding tiga jenis gas rumah kaca sahaja sebelum ini (2016); dan
- iv. pencapaian sasaran NDC negara yang dikemaskini adalah tertumpu kepada tindakan mitigasi pelepasan GHG dalam negara dan tidak melibatkan pembelian kredit karbon antarabangsa.

Selaras dengan keputusan UNFCCC, Malaysia juga akan mengemaskini sasaran NDC tersebut pada tahun 2025 kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL  
KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL  
ANUAR BIN HAJI NASARAH [  
LENGGONG ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 15**

**Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana tindakan serta perancangan yang telah dirangka oleh Kerajaan dalam melaksanakan RUU Anti Lompat Parti bagi mengelakkan berlakunya ketidakstabilan politik dalam Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kestabilan negara menjadi agenda utama ke arah pemulihan negara memerangi pandemik Covid-19 serta memulihkan ekonomi. Ini termasuklah usaha menyelesaikan kemelut politik melalui prinsip kebersamaan antara parti Kerajaan dan pembangkang dalam memastikan ketidakstabilan politik di Malaysia dapat ditangani dengan lebih baik.

Kerajaan komited dalam melaksanakan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan untuk mengembalikan kestabilan politik demi menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Transformasi kerajaan ini memaktubkan nilai-nilai murni dan muafakat merentasi pelbagai latar agama, kaum, dan budaya dalam konteks Keluarga Malaysia. Transformasi ini termasuklah komitmen Kerajaan untuk membentangkan RUU Anti-Lompat di Parlimen.

Pelaksanaan transformasi ini juga selaras dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tentang perihal pentingnya sebuah pentadbiran yang stabil dan dapat berfungsi secara biasa dalam keadaan negara menghadapi pelbagai krisis.

Justeru, menjadi hasrat Kerajaan untuk memastikan prinsip kebersamaan akan terus diamalkan agar dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi kepercayaan tinggi kepada Ahli-ahli Parlimen. Kerajaan juga akan memastikan sistem demokrasi berparlimen sentiasa disanjung tinggi agar kepentingan rakyat dan negara sebagai satu ‘Keluarga Malaysia’ dapat diutamakan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB  
(PULAI)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021  
(SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah kesiapsiagaan Malaysia berhadapan dengan siri pencerobohan ruang udara dan perairan Malaysia oleh negara asing seperti China dan Israel.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDL) sentiasa memandang serius terhadap ancaman kepada kedaulatan negara sama ada melalui pencerobohan ruang udara atau perairan negara oleh sebarang aset negara asing.

Melalui pelan Strategi Pertahanan Udara Nasional (SPUN), ATM sentiasa peka dan siapsiaga terhadap sebarang kemungkinan pencerobohan dan ancaman udara dalam memelihara kedaulatan dan keselamatan ruang udara negara dan kepentingannya. Sistem Perintah & Kawalan (*Command & Control System*) dalam SPUN diawasi (*manned*) secara berterusan dan pesawat pejuang sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga (*on alert*). SPUN juga dilengkapi dengan beberapa Pelan Operasi dalam melaksanakan tanggungjawab pengawasan ruang udara (*airspace surveillance*), pemantauan ruang udara (*airspace policing*) dan tindakan

## **SOALAN NO : 16**

penguatkuasaan (*enforcement action*). Kerjasama erat turut dijalin dengan Agensi Penerbangan Awam dalam pengawasan keselamatan penerbangan berdasarkan kepadatan trafik udara di dalam laluan penerbangan (airways) negara.

Dalam melindungi kedaulatan ruang udara negara, beberapa Pelan Operasi khusus telah dirangka dan dilaksanakan. Pemantauan dilaksanakan secara berterusan dan segala maklumat akan direkod dan dikumpulkan. Sekiranya terdapat pesawat asing dikesan mencerobohi ruang udara negara, tindakan melancarkan (*scramble*) pesawat pejuang akan diambil sekiranya perlu bagi tujuan pengenalan pesawat, mengawasi pergerakan pesawat, sebagai tindakan memperagakan kehadiran (*show of presence*) dan tindakan penguatkuasaan. Laporan pencerobohan akan turut dimajukan ke Kementerian Luar Negeri (KLN) untuk tindakan Bantahan Diplomatik kepada negara berkenaan.

Bagi mengukuhkan kawalan perairan negara dari pencerobohan, TLDM sedang melaksanakan 6 operasi tunggal dan 3 operasi gabungan bagi mengukuhkan kedaulatan perairan negara ke atas sebarang pencerobohan aset-aset negara asing. Operasi-operasi ini melibatkan kapal TLDM yang ditugaskan secara berterusan (24/7) di Kawasan Operasi Maritim yang telah ditetapkan. Ianya turut dibantu oleh penugasan pesawat TUDM bagi pemantauan dan rondaan maritim secara berkala.

Selain itu, TLDM juga telah menempatkan pegawai dan anggota secara berterusan di enam Stesen Luar Pantai di stesen LIMA TLDM, Stesen MIKE TLDM, Stesen PAPA TLDM, Stesen SIERRA TLDM, Stesen UNIFORM TLDM dan Stesen JARAK TLDM bagi mengukuhkan lagi tuntutan negara serta memantau perairan Malaysia daripada dicerobohi oleh aset negara asing.

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING  
[BINTULU]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 17**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan eksport barang Malaysia dan pelaburan di Malaysia dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai negara yang mengamalkan perdagangan yang terbuka, tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia terdedah kepada risiko ketidaktentuan ekonomi dunia termasuklah kesan daripada konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China, serta penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada masa ini.

Sungguhpun demikian, Kerajaan terus berusaha meningkatkan prestasi perdagangan dan pelaburan negara termasuk memacu pemulihan ekonomi negara yang terjejas kesan pandemik COVID-19.

**USAHA MENARIK PELABURAN DALAM SUASANA NORMA BAHARU**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan Malaysia menarik pelaburan berkualiti yang boleh menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara, Kerajaan telah mengumumkan dasar pelaburan baharu negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional atau dengan izin, *National Investment Aspirations* (NIA) pada bulan April tahun ini. Aspirasi pelaburan ini melibatkan pendekatan holistik dan bersasar dalam fasa jangka pendek, sederhana dan jangka panjang. Ia akan tertumpu dalam meningkatkan kompleksiti ekonomi atau dengan izin, *economic complexity*; mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; memperluas rangkaian domestik; mewujudkan kluster ekonomi baharu; serta membangunkan kluster ekonomi sedia ada. Di samping itu, NIA juga akan mempertingkatkan inklusiviti selari dengan semangat #KeluargaMalaysia, serta aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, dan penanda aras global dalam alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environment, social and governance – ESG*).

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan meskipun berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), melaksanakan pelbagai inisiatif agar usaha-usaha menarik pelaburan dapat diteruskan secara efektif. Antaranya adalah penubuhan Pusat Sehenti atau dengan izin, One Stop Centre (OSC) yang beroperasi semenjak 1 Mac 2021. Pusat Sehenti ini diwujudkan bagi mempermudah kemasukan pelawat perniagaan (*business visitors*) bagi aktiviti perniagaan dan pelaburan. Usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri, untuk memastikan kemasukan ke dalam negara dan pergerakan di dalam Malaysia dapat dilakukan dengan selamat. Inisiatif ini menerima maklum balas yang positif daripada ahli perniagaan dan pelabur asing, dan sehingga 25 Ogos 2021, OSC telah meluluskan seramai 1,478 pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi melancarkan aktiviti perdagangan dan pelaburan.

Selain itu, Unit Penyelaras dan Kemajuan Projek atau, dengan izin, *Project Acceleration and Coordination Unit* – PACU telah ditubuhkan di bawah MIDA pada 6 Jun 2020. Antara lain, Unit PACU ini berperanan dalam mempercepatkan proses penilaian permohonan kelulusan projek pelaburan; memantau status kelulusan dan pelaksanaan projek; serta memudah cara permasalahan yang dihadapi oleh pelabur dalam tempoh pelaksanaan projek, sama ada yang melibatkan Kerajaan Persekutuan mahu pun Kerajaan Negeri.

Kerajaan juga telah memperkenalkan pakej insentif cukai di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, yang diumumkan pada 5 Jun 2020, untuk menarik syarikat baharu yang melabur dalam sektor pembuatan serta syarikat sedia ada di Malaysia yang bercadang memindahkan operasi luar negaranya ke Malaysia.

Di samping itu, MIDA turut melaksanakan aktiviti promosi pelaburan melalui program-program secara maya dalam norma baharu, termasuk penganjuran e-Misi Pelaburan Khusus atau dengan izin, *e-Specific Project Mission*.

**MENGEKAL DAN MENGUKUHKAN DAYA SAING EKSPORT MALAYSIA**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha mengekalkan momentum prestasi eksport negara pada tahap pra pandemik serta melestarikan eksport, MITI melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif dengan memfokuskan kepada adaptasi teknologi digital di samping membantu syarikat mengurangkan kos promosi eksport. Ini bagi memastikan syarikat pengeksport Malaysia kekal berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Seiring dengan peningkatan penggunaan platform digital akibat pandemik COVID-19, MATRADE telah memperluaskan skop Geran Pembangunan Pasaran dengan izin, *Market Development Grant* (MDG) untuk menampung kos penyertaan syarikat Malaysia di pameran-pameran perdagangan antarabangsa secara maya di dalam dan luar negara. Di samping itu, skop MDG yang diperluaskan ini turut merangkumi bayaran balik perbelanjaan untuk pameran perdagangan antarabangsa yang dibatalkan atau ditangguhkan; serta kos logistik atau penghantaran produk bagi tujuan eksport ke luar negara. Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, sebanyak 770 buah syarikat telah mendapat manfaat dari geran ini dengan jumlah bayaran balik sejumlah RM6.99 juta.

MATRADE juga melaksanakan program-program bersasar bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat peringkat pertengahan serta pengeksport Bumiputera, wanita dan belia. Melalui Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (*Mid-Tier Companies Development Programme* - MTCDP) yang dilaksanakan sejak tahun 2014. MATRADE telah membantu sebanyak 275 buah syarikat peringkat

pertengahan dengan nilai eksport berjumlah RM13.1 bilion. Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP) menyasarkan syarikat-syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang telah bersedia untuk memasarkan produk mereka di pasaran antarabangsa. Program ini merangkumi latihan dan bimbingan berkaitan tatacara mengeksport termasuk piawaian dan pensijilan, dokumentasi eksport, pembiayaan eksport, rundingan dan penjenamaan. Sehingga kini, program ini telah berjaya membimbang sebanyak 402 buah syarikat Bumiputera, wanita dan belia dengan anggaran nilai jualan eksport sebanyak RM1.5 bilion.

Di samping itu, MATRADE juga melaksanakan pelbagai program secara maya bagi menggalakkan pengeksport untuk menggunakan platform digital, termasuk:

- (i) Program *eBizMatch* yang menawarkan padanan perniagaan B2B secara maya antara syarikat Malaysia dan pembeli luar negara; *dan*
- (ii) Program *eTRADE* dan program *eTRADE 2.0* yang ditambah baik menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia menggunakan platform eDagang rentas sempadan bagi tujuan eksport. Menerusi program-program ini, syarikat berpeluang memasarkan produk-produk mereka di luar negara menerusi platform-platform eDagang antarabangsa seperti *AliBaba*, *Amazon*, *eBay*, *Halal Street*, *JD.com* dan lain-lain.

### **MISI GALAKAN PERDAGANGAN DAN PELABURAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan ke luar negara merupakan inisiatif utama MITI bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam merebut peluang untuk menarik pelabur asing melabur di negara ini, di samping meneroka peluang-peluang pelaburan dan perdagangan bagi syarikat-syarikat Malaysia di luar negara. Ianya juga

adalah salah satu strategi untuk memulihkan ekonomi negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Dalam tempoh pandemik ini, beberapa Misi Perdagangan dan Pelaburan ke luar negara telah berjaya dilaksanakan iaitu ke Republik Korea, Jepun, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Republik Austria dan Republik Turki. Secara keseluruhannya, Misi Galakan ini telah berjaya meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia selain merapatkan hubungan ekonomi, perdagangan dan pelaburan dua hala antara Kerajaan serta memperkuatkan dengan izin, *visibility* Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan dan destinasi pelaburan terpilih di rantau ini. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa melalui Misi Galakan tersebut, MITI telah berjaya menjana potensi pelaburan sebanyak RM35.97 bilion dan potensi eksport bernilai RM3.45 bilion.

### **PRESTASI PERDAGANGAN DAN PELABURAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah promosi perdagangan dan pelaburan yang berterusan ini telah membawa hasil dan menyumbang kepada peningkatan prestasi perdagangan dan pelaburan langsung asing negara yang amat memberangsangkan, walaupun negara terus berdepan dengan situasi pandemik.

Untuk makluman pencapaian perdagangan negara merekodkan lonjakan pertumbuhan dua digit bagi tujuh bulan pertama tahun 2021. Prestasi perdagangan negara meningkat sebanyak 23.9 peratus kepada RM1.237 trilion berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas, manakala jumlah eksport dan import masing-masing meningkat sebanyak 25.9 peratus kepada RM682.9 bilion dan 21.6 peratus kepada RM554.17 bilion masing-masing. Lebihan dagangan yang dicatatkan bagi tempoh ini juga menunjukkan peningkatan prestasi yang membanggakan, melonjak 48.8 peratus kepada RM128.74 bilion.

Prestasi pelaburan turut menunjukkan pencapaian yang menggalakkan bagi setengah tahun pertama 2021, di mana jumlah pelaburan yang diluluskan melonjak sebanyak 69.8 peratus kepada RM107.5 bilion berbanding dengan RM63.3 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun lepas. Pelaburan yang diluluskan merangkumi sektor pembuatan, sektor perkhidmatan serta sektor-sektor utama seperti perladangan, pertanian dan perlombongan. MITI turut mengenalpasti sejumlah 325 projek berprofil tinggi yang sedang dalam rundingan serta melibatkan pelaburan berjumlah RM97.4 bilion dan dijangka dapat dimuktamadkan pada tahun ini.

## **KESIMPULAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memacu pemulihan ekonomi negara yang terjejas akibat pandemik COVID-19, amat penting bagi Malaysia untuk terus memberi penekanan terhadap usaha-usaha mempromosi pelaburan dan perdagangan dalam suasana norma baharu dengan memanfaatkan *value proposition* yang dimiliki oleh negara. Dalam hal ini, MITI serta Agensi akan terus mempergiatkan usaha tersebut melalui pelaksanaan, pemantauan serta promosi eksport dan pelaburan yang komprehensif bagi memastikan Malaysia sentiasa berdaya saing dan kekal sebagai destinasi pilihan pelabur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING  
[BANGI]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 18**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Banci 2020 akan selesai dan adakah anggaran populasi yang tidak tepat akibat Banci 2020 yang tertunda telah mempengaruhi pengiraan dan perancangan untuk Pelan Imunisasi COVID Kebangsaan (PICK).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sehingga 12 September 2021, seramai 26.0 juta penduduk Malaysia telah dibanci yang mana 28.1% penduduk telah dibanci secara dalam talian dan 71.9% penduduk telah dibanci secara bersemuka.

Selaras dengan perkembangan kadar vaksinasi COVID-19 terus meningkat, banci bersemuka dan bersasar dijadualkan semula bermula pada bulan September dan dijangka selesai pada 31 Oktober 2021.

Pelaksanaan Banci 2020 tidak menjaskan perancangan Pelan Imunisasi COVID Kebangsaan (PICK). Pengiraan dan perancangan untuk PICK adalah dengan menggunakan data anggaran penduduk 2020. Data anggaran penduduk 2020 adalah berdasarkan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang telah mengambil kira tiga komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran, kematian dan migrasi bersih.

Berdasarkan maklum balas yang diterima pihak Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF), KPI kerajaan adalah memfokuskan kepada peningkatan kadar vaksinasi harian. Pendaftaran vaksin menggunakan alamat tempat tinggal terkini untuk memastikan penerimaan suntikan vaksin lebih cepat. Alamat individu tidak tertakluk kepada alamat tinggal asal.

Sekian, terima kasih  
Jabatan Perdana Menteri

**PEMBERITAHU PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [LENGGONG]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[LENGGONG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan agenda dasar Kerajaan terdahulu berkenaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta apakah hala tuju baharu bagi tempoh jangka masa panjang yang ingin diperkenalkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) ini adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar untuk semua rakyat pada tahun 2030 dengan tiga objektif utamanya iaitu pembangunan untuk semua (menstruktur ekonomi), menangani jurang kekayaan dan pendapatan (menangani ketidaksamaan) dan menjadikan negara yang bersatu, makmur dan bermaruah (membina negara).

WKB 2030 yang dimulakan pada 2019 di bawah pentadbiran Perdana Menteri ke 7 dan telah menjadi dasar kepada pembentukan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) serta dasar-dasar sektoral yang lain. Kerajaan telah merancang pelaksanaan WKB 2030 ini melalui dua pelan pembangunan iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Dua belas (12) bab dalam dokumen RMKe12 yang dijadual dibentangkan pada 27 September 2021 telah diselaras dan diajarkan dengan tujuh (7) Teras Strategik, lapan (8) Pemboleh Daya dan sepuluh (10) Sasaran WKB 2030. WKB 2030 ini juga adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan terhadap pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 ataupun *Sustainable Development Goals* (SDG) 2030 yang diperkenalkan oleh *United Nations* di mana matlamatnya juga adalah untuk pembangunan sesebuah negara secara inklusif.

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar WKB 2030 ini adalah wawasan yang inklusif dan akan terus mengutamakan pembangunan sosial dan ekonomi terhadap golongan yang memerlukan dan di samping itu akan terus memberi galakan kepada masyarakat yang berkemampuan untuk bersama-sama membina negara dan memakmurkan ekonomi. WKB 2030 ini masih relevan sebagai dasar yang akan memacu negara dalam membentuk ekonomi, mengagih kekayaan, membangunkan infrastruktur, menjana kesejahteraan sosial serta memupuk semangat perpaduan dalam acuan Keluarga Malaysia. WKB 2030 ini akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju di mana pengagihan ekonomi adalah Lebih adil dan saksama demi kemakmuran bersama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

**TARIKH** : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan senarai program yang telah dilancarkan dalam Kempen Sawit Anugerah Tuhan dan perbelanjaan terlibat. Nyatakan impaknya terhadap Kempen Anti Sawit di Malaysia dan di luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Senarai program yang telah dilancarkan dalam Kempen Sawit Anugerah Tuhan, perbelanjaan terlibat dan impaknya terhadap Kempen Anti Sawit di Malaysia dan di luar negara:

**I. Kempen Sawit Anugerah Tuhan (SAT)**

- i. Kempen Sawit Anugerah Tuhan diterajui oleh Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dengan sokongan teknikal daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang merupakan Agensi-agensi di bawah Kementerian saya.
- ii. Tujuan utama kempen ini adalah:
  - a. menghargai sumbangan besar industri minyak sawit kepada pembangunan sosioekonomi di Malaysia

- terutamanya dalam meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar;
- b. meningkatkan lagi kesedaran orang ramai terhadap khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia; dan
  - c. menangkis kempen-kempen anti-minyak sawit.
- iii. Kempen SAT melibatkan pelbagai aktiviti di dalam dan di luar negara. Platform internet telah digunakan secara meluas terutama sekali ketika pandemik COVID-19 melanda dunia pada ketika ini.
  - iv. Peruntukan untuk kempen SAT adalah sebanyak RM6 juta iaitu meliputi peruntukan sebanyak RM5.45 juta untuk aktiviti di dalam negara dan RM0.55 juta untuk aktiviti luar negara. Sehingga kini, sebanyak RM2.04 juta telah dibelanjakan oleh MPOC di bawah kempen SAT.

## **II. Program Yang Telah Dilancarkan Di Bawah Kempen SAT**

- i. **Pelancaran Kempen SAT** telah diadakan pada 10 Februari 2021;
- ii. **Program Laman Sesawang, Media Sosial dan Digital dan Peraduan Dalam Talian** dilaksanakan menerusi pelancaran laman sesawang [www.sawit.com.my](http://www.sawit.com.my) pada 10 Februari 2021. Sehingga kini, laman sesawang tersebut telah merekodkan lebih 360,000 orang pengunjung dan lebih 60 ribu penyertaan peraduan;
- iii. **Ceramah secara maya** turut diadakan di 11 buah universiti. Tajuk-tajuk ceramah yang dipilih adalah bersesuaian dengan bidang pengajian merangkumi aspek nutrisi, kulinari dan aplikasi minyak sawit dalam makanan dan bukan makanan;
- iv. **Video-video** yang telah dihasilkan adalah mengenai Kempen SAT, pekebun kecil, nutrisi, kemampanan, Video Merdeka Agrikomoditi dan video demo penggunaan minyak sawit;

- v. **Program Media Elektronik** menyasarkan aktiviti seperti Program Masak-masak Dengan Minyak Sawit dan Senduk Kuali Kak Lina Pom Pom sebanyak 29 episod pada bulan Ramadan;
- vi. **Program Bahan Bercetak** melibatkan cetakan pelbagai *bunting* dan risalah bagi edaran untuk merancakkan lagi Kempen SAT. *Bunting* dipasang di bangunan Kementerian dan juga diedarkan kepada para pemain industri untuk diletakkan di premis masing-masing. Risalah dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia juga telah dicetak untuk edaran di dalam dan di luar negara; dan
- vii. Selain program-program di atas, pelbagai program lain seperti Pertandingan Fotografi Antarabangsa *World Palm Portraits*, penajaan aktiviti, pemberian cenderamata, pengiklanan luar rumah (di *billboard* dan gerabak MRT / LRT) dan Program Promosi SAT di luar negara turut diadakan.

### III. Impak

- i. Secara amnya, Kempen SAT menunjukkan impak positif di mana terdapat peningkatan kesedaran orang ramai di dalam dan luar negara.
- ii. Namun, Kempen SAT ini tidak boleh dilihat secara berasingan dengan program-program lain seperti tindakan undang-undang di bawah Organisasi Perdagangan Dunia (WTO) dan program-program lain di bawah kempen anti-minyak sawit di Eropah.
- iii. Program-program lain ini akan menyokong Kempen SAT dan memperlihatkan kesungguhan Malaysia dalam menangani kempen negatif ke atas minyak sawit secara keseluruhan.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 21:**

Minta **Perdana Menteri** menyatakan adakah telah dikaji tentang pertambahan guru-guru KAFA dari segi kuota di setiap daerah agar peningkatan masuk ke kelas KAFA dapat ditampung jumlahnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan, melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sentiasa berusaha untuk memastikan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) terus relevan dan menjadi instrumen penting kepada kanak-kanak Islam berumur antara 7 hingga 12 tahun mendapat pendidikan agama yang sempurna.
2. Justeru, Kerajaan dari semasa ke semasa, sentiasa komited memperkasa pendidikan KAFA termasuk dari aspek pertambahan kuota Guru KAFA. Mulai tahun 2020, kuota Guru KAFA seluruh Malaysia berjumlah seramai 35,000 orang dengan peruntukan elauan tahunan sebanyak RM481,593,000.00, berbanding tahun 2019 sebanyak RM405,172,800.00 bagi 33,200 orang Guru KAFA. Pada masa ini, pewujudan jawatan Guru KAFA di negeri-negeri adalah berdasarkan jumlah murid Islam yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dengan nisbah guru dan murid mengikut pendidikan arus perdana adalah 1:30.
3. Kerajaan menyedari terdapat keperluan untuk menambah bilangan Guru KAFA bagi memastikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) KAFA berjalan dengan cekap dan berkesan. Justeru, Kerajaan sedang berusaha menambah jumlah Guru KAFA di seluruh negara secara berfasa berdasarkan unjuran pertambahan murid Islam berdaftar dengan KPM. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021**

**SOALAN**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan kaedah undi pos untuk rakyat Sarawak dan Sabah yang tinggal di Semenanjung untuk mengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang. Apakah SOP baru yang akan diperkenalkan untuk proses pengundian lebih selamat semasa pandemik.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menetapkan salah satu kelayakan untuk didaftarkan sebagai pemilih ialah bermastautin dalam mana-mana Bahagian Pilihan Raya. Bagi maksud tersebut, SPR menentukan Bahagian Pilihan Raya seseorang pemilih berdasarkan kepada alamat pemastautin pemilih seperti di kad pengenalan dan pangkalan data Jabatan Pendaftaran Negara.

Buat masa ini, kemudahan mengundi secara pos hanya diberikan kepada pengundi dalam kategori seperti berikut:

- i. Ahli SPR dan kakitangan SPR;
- ii. Petugas pilihan raya;
- iii. Tentera, Polis, Polis Pasukan Gerak Am (PGA) yang bertugas pada Hari Mengundi Awal;
- iv. Pengamal media yang bertugas membuat liputan pilihan raya di luar kawasan pada Hari Mengundi;
- v. Kakitangan bagi 9 Agensi (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara-UTC, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara) yang bertugas pada Hari Mengundi;
- vi. Pengundi Malaysia yang berada di luar negara (kecuali Brunei, Singapura, Kalimantan dan Selatan Thai); dan
- vii. Pengundi Tidak Hadir (PTH) luar negara iaitu penjawat awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar universiti/institusi tinggi sepenuh masa di luar negara dan pasangan.

Bagi pengundi-pengundi di Negeri Sabah dan Sarawak yang bermastautin di semenanjung Malaysia, SPR menggalakkan pengundi untuk memohon pertukaran Bahagian Pilihan Raya berdasarkan tempat bermastautin terkini bagi memudahkan urusan pengundian bagi suatu pilihan raya umum atau kecil.

Bagi memastikan pengundian yang lebih selamat semasa tempoh pandemik Covid-19, SPR dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah merangka dan menyediakan satu *Standard Operating Procedure (SOP)* yang jelas iaitu Garis Panduan Pencegahan Covid-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya sama ada Pilihan PRU atau PRK. Ia disesuaikan selaras dengan arahan semasa Perintah

Kawalan Pergerakan (PKP) semasa di bawah Akta 342 yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan. Garis panduan ini mencakupi semua proses pelaksanaan pilihan raya iaitu Taklimat Petugas Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Proses Cetakan dan Semakan Kertas Undi, Proses Pengeluaran, Penerimaan dan Pengiraan Undi Pos, Hari Semakan Peti Undi, Tempoh Berkempen, Hari Undi Awal dan Undi Biasa serta Penjumlahan Rasmi Undi.

Antara langkah pencegahan Covid-19 untuk pelaksanaan pilihan raya adalah seperti berikut:

- i. Pembersihan dan sanitasi di semua premis yang dikenal pasti akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya di mana ia perlu dilakukan disinfeksi sebelum, semasa dan selepas selesai digunakan berdasarkan garis panduan KKM;
- ii. Kawalan kehadiran di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya adalah pada jumlah paling minima yang mana tidak menjelaskan proses pilihan raya dan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Selain itu, maklumat kehadiran setiap individu seperti nama dan nombor telefon perlu direkodkan samada menggunakan QR code di aplikasi MySejahtera atau catatan buku secara manual;
- iii. Saringan suhu badan untuk semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya di mana individu yang mempunyai suhu badan melebihi  $37.5^{\circ}\text{C}$ , batuk, sakit tekak atau susah nafas tidak dibenarkan masuk ke premis dan perlu meninggalkan premis dengan segera;
- iv. Penjarakan fizikal di premis perlu dilaksanakan di mana susun atur meja di setiap premis yang digunakan disusun dengan jarak 2 meter manakala jarak antara individu adalah 1 meter;

## **SOALAN NO : 22**

- v. Penggunaan *hand sanitizer* oleh setiap individu yang hadir ke premis sebelum, semasa berada dalam saluran dan selepas selesai urusan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya;
- vi. Penggunaan sarung tangan getah adalah diwajibkan bagi semua petugas pilihan raya dan pegawai SPR yang bertugas bagi setiap proses pilihan raya;
- vii. Penggunaan *face mask* adalah wajib bagi semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya;
- viii. Pengundi yang bergejala di mana pengundi yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas hendaklah diasingkan serta-merta daripada pengundi yang lain dan mengundi di tempat khas (khemah khas untuk memangkah);
- ix. Penganjuran sebarang bentuk ceramah, syarahan dan perhimpunan bagi tujuan kempen oleh mana-mana individu atau parti politik sepanjang tempoh berkempen adalah tidak dibenarkan. Calon atau parti digalakkan untuk menggunakan media massa, media sosial dan media cetak bagi tujuan berkempen.

SPR juga sedang meneliti dan merangka penambahbaikan Garis Panduan Pencegahan Covid-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya yang baharu berdasarkan penilaian semasa dan nasihat KKM selaras dengan arahan PKP ketika ini. Selain itu, SPR akan turut meneliti dan mempertimbangkan pandangan atau cadangan dari pihak-pihak lain bagi menambahbaik pelaksanaan proses pilihan raya di mana isu kesihatan dan keselamatan menjadi keutamaan dalam mendepani wabak pandemik Covid-19 ini.

Sekian, terima kasih.

**SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KE-14**  
**DEWAN RAKYAT**  
**13 SEPTEMBER HINGGA 12 OKTOBER 2021**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
[ SERIAN ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [ SERIAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Kompleks Persekutuan untuk menempatkan agensi-agensi dan jabatan Persekutuan di Serian.

**JAWAPAN:** YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan Projek Bangunan Gunasama Persekutuan, Serian, Sarawak. Setakat ini, projek-projek pembinaan Bangunan Guna Sama Persekutuan bagi negeri Sarawak yang telah disenaraikan untuk dilaksanakan di bawah RMKe-12 (*Rolling Plan 2*) adalah berdasarkan kepada keutamaan projek, kriteria-kriteria yang telah digariskan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan juga mengambil kira kemampuan agensi pelaksana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]**  
**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah proaktif Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja di ladang sawit dan ladang getah yang kini telah lama berlarutan serta membawa impak kerugian besar kepada industri perladangan negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, Kerajaan telah memberi kelonggaran kepada majikan-majikan yang terkesan dan tidak berkeupayaan untuk meneruskan penggajian pekerja asing untuk memindah atau menukarkan keseluruhan atau sebahagian pekerja asing mereka kepada syarikat lain yang mempunyai keperluan tenaga kerja melalui Permohonan Pertukaran Majikan (PTM) serta inisiatif-inisiatif lain iaitu:

1. Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang bermula pada 16 November 2020 hingga 31 Disember 2021 yang merangkumi dua komponen utama program khas

iaitu Program Rekalibrasi Pulang dan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja;

2. Program Rekalibrasi Pulang merupakan program yang membenarkan PATI untuk pulang ke negara asal secara sukarela tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Manakala Program Rekalibrasi Tenaga Kerja pula merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan;
3. KPPK akan melipatgandakan usaha untuk mengisi kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan dan industri komoditi dengan mengadakan kempen untuk mengajak lebih ramai rakyat tempatan termasuk golongan Orang Asli bekerja di sektor ini. KPPK akan terus bergerak ke arah memberi keutamaan kepada rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan dan industri komoditi selain memperkasa modal insan melalui latihan dan kursus di bawah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC); dan
4. Kementerian turut menggalakkan penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta mengalu-alukan penglibatan agensi pekerjaan tempatan untuk tampil dan membantu Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan bekerja di sektor ini.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini pendaftaran pengundi secara automatik dan penguatkuasaan usia kelayakan mengundi 18 tahun. Apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan bagi mempercepatkan pelaksanaan kedua-dua perkara tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pindaan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan iaitu berhubung umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik sebagaimana yang diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR ini adalah meliputi pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan *standard operating procedures* (SOP) dan penyediaan sistem serta infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

## **SOALAN NO : 25**

Di samping itu, SPR juga telah mengenal pasti beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan sebelum pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik. Antaranya ialah membuat semakan maklumat bakal pemilih, semakan di lapangan yang melibatkan bakal pengundi berumur 90 tahun dan ke atas, semakan di lapangan ke atas alamat untuk memastikan penentuan bahagian pilihan raya yang tepat, sesi libat urus dengan semua pihak-pihak yang berkepentingan, program pendidikan pengundi kepada bakal pemilih dan menyemak keperluan logistik bagi persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 yang akan datang.

SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan termasuklah menangani isu-isu yang berkaitan ini akan dapat diselesaikan dan seterusnya melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik selewat-lewatnya pada September 2022.

Namun demikian, keputusan semakan kehakiman isu Undi 18 di Mahkamah Tinggi Kuching telah memerintahkan supaya umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2021.

Justeru, walaupun dengan kekangan dan kekurangan, **SPR komited untuk memastikan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik dilaksanakan berdasarkan kepada keputusan mahkamah.**

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021**

**DARIPADA : Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]**

**SOALAN : 26**

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah gaji yang diterima oleh Ahli Parlimen Tambun sebagai Penasihat Perdana Menteri bertaraf Menteri sepanjang beliau berkhidmat dalam tempoh yang singkat. Jumlah gratuity dan pencen bulanan yang beliau layak menerima dari Kerajaan. Apakah tugas beliau sebenarnya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Azumu telah dilantik sebagai Penasihat Khas Perdana Menteri bertaraf Menteri untuk menasihati YAB Perdana Menteri dalam hal-hal yang berkaitan komunikasi komuniti. Beliau bertanggungjawab mewujudkan jalinan kerjasama yang erat antara Kerajaan dan pimpinan masyarakat serta meningkatkan kefahaman rakyat mengenai dasar-dasar Kerajaan menerusi saluran komunikasi yang berkesan dan meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan dalam aspek pembangunan sosio-ekonomi rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan tempoh perkhidmatan beliau adalah singkat (tidak cukup sebulan), gaji sebulan beliau yang berjumlah RM27,227.20 dibayar secara pro-rata, dan juga gantian notis penamatan perkhidmatan sebanyak 1 bulan gaji. Jawatan ini tidak melibatkan pembayaran pencen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH  
(PETALING JAYA)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan dalam 6 bulan (September 2021 – Januari 2022) untuk menguatkuasakan sistem demokrasi berparlimen dengan meneruskan Komitee Khas Parlimen (KKP) yang sedia ada dan menambah lagi 13 KKP supaya dapat menguatkan dasar-dasar dan undang-undang yang relevan, adil dan dapat melindung hak-hak rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kini terdapat 9 Jawatankuasa Pilihan Khas iaitu seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi dan Hak-Hak di Bawah Perlembagaan
- ii. Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan Dan Ekonomi
- iii. Jawatankuasa Pilihan Khas Keselamatan

## **SOALAN NO: 27**

- iv. Jawatankuasa Pilihan Khas Bagi Agensi-Agenzi Di Bawah Jabatan Perdana Menteri
- v. Jawatankuasa Pilihan Khas Pertanian Dan Perdagangan Dalam Negeri
- vi. Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Infrastruktur
- vii. Jawatankuasa Pilihan Khas Pendidikan
- viii. Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial
- ix. Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi

Kesemua Jawatankuasa Pilihan Khas ini adalah berdasarkan kluster Kementerian dan tema tertentu (*thematic*). Sehubungan itu, adalah diharapkan 9 Jawatankuasa Pilihan Khas ini diberi ruang dan masa untuk menjalankan fungsinya seperti mana yang digariskan di dalam terma-terma rujukan.

Sebarang cadangan untuk menambah bilangan dan fungsi Jawatankuasa Pilihan Khas termasuk cadangan Yang Berhormat untuk menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas perlu dibawa ke Jawatankuasa Dewan untuk dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING  
[BANGI]**

**TARIKH : 7 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dr. Ong Kian Ming [ Bangi ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah syarikat yang telah mendaftar untuk program Safe@Work dan sebab-sebab mengapa lebih banyak syarikat tidak mendaftar untuk program ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Safe@Work merupakan inisiatif Kerajaan untuk menggalakkan langkah-langkah kesihatan awam yang komprehensif dilaksanakan secara sukarela oleh majikan dalam menangani penularan wabak COVID-19 di kalangan pekerja. Syarikat yang berdaftar di bawah Safe@Work perlu sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Am Pelan Pemulihan Negara serta SOP khas Safe@Work yang ditetapkan.

Secara amnya, Safe@Work menggalakkan pembentukan *Safe Work Bubble* untuk membolehkan kilang terus beroperasi dalam keadaan di mana terdapat sejumlah kecil pekerja yang dijangkiti COVID-19. *Safe Work Bubble* memastikan pekerja kes positif terus diasingkan dan dikeluarkan daripada operasi kilang untuk menerima rawatan di hospital manakala pekerja kontak rapat dibenarkan untuk terus bekerja di kilang walaupun hasil ujian saringan belum diperolehi.

Bagi menggalakkan syarikat syarikat berdaftar secara sukarela, antara insentif yang diberikan di bawah Safe@Work adalah potongan cukai tambahan kepada syarikat dan sektor perkhidmatan yang berkaitan sehingga RM50,000 bagi perbelanjaan sewaan premis penginapan/kemudahan tempat tinggal pekerja. Ini mencerminkan komitmen oleh Kerajaan dalam melaksanakan pendekatan “whole of society” untuk mengekang penularan wabak pandemik di tempat kerja khususnya dalam industri perkilangan.

Sejak Safe@Work dilancarkan pada 1 April 2021, sebanyak **4,775 permohonan** telah diterima daripada syarikat perkilangan dan perkhidmatan berkaitan untuk program Safe@Work.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa menggalakkan syarikat perkilangan dan perkhidmatan berkaitan untuk mendaftar di bawah Safe@Work memandangkan inisiatif ini menggalakkan amalan perkilangan terbaik (good manufacturing

practices) dalam menangani pandemik COVID-19, menjamin kelangsungan perniagaan di samping memastikan keselamatan pekerja.

Selain daripada faktor pendaftaran syarikat untuk Safe@Work adalah secara sukarela, faktor utama yang menyumbang kepada jumlah pendaftaran yang masih rendah adalah kewajipan pematuhan syarikat kepada SOP Safe@Work yang lebih ketat berbanding SOP Am sektor perkilangan. Pada masa yang sama, pihak MITI menghadapi kesukaran disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19 secara mendadak untuk menjalankan *outreach* kepada persatuan-persatuan industri, dewan-dewan perniagaan serta syarikat-syarikat individu.

Namun, syarikat-syarikat sektor perkilangan telah giat berdaftar untuk Program Imunisasi COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) yang dilaksanakan oleh MITI bagi memastikan pekerja industri tersebut mendapat vaksinasi dengan kadar segera. Usaha ini secara tidak langsung akan membantu syarikat-syarikat yang masih belum berdaftar dengan Safe@Work untuk berbuat demikian kerana program vaksinasi juga merupakan salah satu elemen yang digariskan dalam Safe@Work.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI**

**[ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021**

**SOALAN**

YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS] minta PERDANA MENTERI menyatakan perkembangan berhubung perancangan Kerajaan untuk memisahkan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya seperti yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara telah dimasukkan dalam Tonggak I iaitu Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke Sebelas (KSP RMKe-11).

Jabatan Peguam Negara sebagai agensi penyelaras bagi inisiatif dan agensi pelaksana perlu membentangkan laporan kajian pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara untuk pertimbangan Jemaah Menteri.

Bagi maksud itu, Jabatan Peguam Negara telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara untuk mengkaji pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara berdasarkan amalan terbaik di peringkat global serta hal-hal berkaitan dengan undang-undang dan pengurusan termasuk pentadbiran, kewangan dan logistik. Jawatankuasa Kerja ini sedang dalam peringkat memuktamadkan Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan perkara tersebut.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI  
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha terbaru untuk meningkatkan keupayaan tentera laut dan tentera udara sejajar dengan Kertas Putih Pertahanan untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan ruang udara dan ruang laut negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kertas Putih Pertahanan (KPP) telah menetapkan bahawa strategi pertahanan negara perlu dilaksanakan mengikut tiga tonggak utama iaitu Cegah Rintang Berpadu, Pertahanan Komprehensif dan Perkongsian Berwibawa. Lanjutan itu, KPP juga telah menggariskan pelan jangka panjang bagi pembangunan Angkatan Masa Hadapan untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Bagi segmen keupayaan tentera laut, selari dengan aspirasi KPP ini, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), kini sedang melaksanakan beberapa inisiatif seperti:

1. Pelan pembangunan keupayaannya melalui Program Transformasi Armada TLDM 15ke5. Pelan ini dijangka akan dapat mengatasi cabaran yang dihadapi TLDM dalam menguruskan aset-aset yang mengalami keusangan dengan mentransformasikan 15 kelas kapal

## **SOALAN NO : 30**

yang lama kepada hanya 5 kelas kapal yang baharu. 5 kelas kapal tersebut terdiri daripada *Littoral Combatant Ship* (LCS), *Littoral Mission Ship* (LMS), *Multi Role Support Ship* (MRSS), *New Generation Patrol Vessel* (NGPV) dan Kapal Selam.

Pada masa ini, TLDM telah melaksanakan perolehan 4 buah kapal LMS kumpulan pertama dari China melalui kerjasama Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd dan China Shipbuilding & Offshore International Co. Ltd. LMS 1 (KD KERIS) dan LMS 2 (KD SUNDANG) telah memasuki inventori TLDM, masing-masing pada 31 Disember 2019 dan 14 Januari 2021, manakala LMS 3 (BADIK) pada 14 September 2021 dan LMS 4 (RENCONG) dijangka tiba di Malaysia pada Disember 2021.

2. Dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025), TLDM merancang untuk melaksanakan perolehan seperti berikut:

- a. Perolehan sebanyak 8 buah kapal LMS kumpulan kedua mulai tahun 2022;
- b. Perolehan sebanyak 2 buah *Multi Role Support Ship* (MRSS) yang dijangka bermula pada tahun 2024, bagi memenuhi keperluan operasi ATM melalui kemampuan *Strategic Sealift* antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak; dan
- c. Perolehan 3 buah Helikopter Operasi Maritim (HOM) dan 13 buah *Fast Interceptor Craft* (FIC). HOM dijangka akan memasuki inventori TLDM pada Mac dan Mei 2022, manakala FIC pula akan diterima secara berfasa mulai Mac 2023 hingga Mac 2024.

3. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-13 (2026 – 2030), TLDM merancang perolehan 6 buah Kapal Peronda Generasi Baharu (NGPV).

Bagi segmen keupayaan tentera udara pula, sejajar dengan KPP TUDM akan memperkasakan kuasa udara dengan mengoptimumkan keupayaan bagi menghindari sebarang ancaman terhadap kedaulatan dan kepentingan negara. Perlaksanaan konsep pertahanan negara di setiap

## SOALAN NO : 30

kawasan berkepentingan diintegrasikan melalui operasi domain udara yang mampan (*effect based*).

Antara inisiatif TUDM dalam meningkatkan keupayaan kuasa udara ialah:

1. Pembangunan Pelan Strategik TUDM yang berasaskan kepentingan negara yang mendokong *warfighting concept* dengan mengabungkan pelbagai domain pertahanan – Darat, Laut, Udara dan Siber. Pelan ini seperti yang digariskan di dalam Kertas Putih Pertahanan adalah merentasi ruang lingkup kerangka kedaulatan di kawasan teras, lanjutan dan hadapan.
2. Mekanisme tindak balas TUDM merangkumi komponen pasif (diplomasi ketenteraan dan pengesanan ancaman) dan komponen aktif (penghindaran dan penyingkiran ancaman) melalui atur gerak aset-aset mengikut keperluan semasa.
3. Merangka beberapa perolehan aset baharu TUDM bagi memenuhi keperluan operasi seperti *Fighter Lead In Trainer* (FLIT) - *Light Combat Aircraft* (LCA), *Multi Role Combat Aircraft* (MRCA), *Maritime Patrol Aircraft* (MPA), *Long Range Air Defence Radar*, *Medium Range Air Defence Missile System* (MERAD), *Medium Altitude Long Endurance Unmanned Aerial System* (MALE-UAS) dan Helikopter Utiliti.

Perolehan aset tersebut adalah bagi meningkat kuasa operasi TUDM di samping menaiktaraf sistem pengawasan ruang udara, sistem perisikan udara dan mengoptimumkan operasi TUDM.

Selain itu, ATM amnya dan khususnya TLDM dan TUDM sentiasa mendokong aspirasi pertahanan di dalam menjalin hubungan kerjasama serantau dan antarabangsa melalui pelbagai inisiatif perkongsian berwibawa (hubungan dua hala dan pelbagai hala).

Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN (KUALA KRAI)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [ KUALA KRAI ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membaiki kerosakan Jalan Dabong-Jelawang dan berapa perbelanjaan untuk tujuan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil semakan Kementerian ini bersama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) terhadap status Jalan Dabong-Jelawang, didapati bahawa laluan tersebut merupakan Jalan Negeri iaitu laluan D29 dan tanggungjawab penyenggaraan jalan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN (SELANGAU)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa kelewatan dan kos tambahan Projek Lebuh Raya Pan Borneo disebabkan oleh pandemik COVID-19. Adakah kontraktor boleh menuntut kerugian dan perbelanjaan lain dan bila dijangka tarikh siap projek tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner Agreement – PDPA). Sehingga bulan Ogos 2021, status kemajuan terkini adalah 70% bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dari Telok Melano ke Miri dengan jangkaan siap sepenuhnya pada September 2022.

Sama seperti projek-projek Kerajaan lain, wabak Covid-19 telah memberi kesan ke atas kemajuan kerja dan kos pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Sehubungan itu pelbagai *mitigation plan* sedang dilaksanakan antara lainnya penyelarasan semula jadual pembinaan dan Lanjutan Masa (Extension Of Time - EOT) bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan projek. Berdasarkan terma-terma kontrak sedia ada, Kerajaan boleh mempertimbangkan EOT dan kos tambahan secara *case to case basis* bagi kelewatan bukan disebabkan oleh kontraktor. Dengan mengambil kira peningkatan harga bahan binaan di pasaran, Kerajaan turut mempertimbangkan permohonan *Variation of Price* (VOP) tertakluk kepada kadar dan terma-terma yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah sistematik yang diambil Kementerian bagi menguruskan bahan buangan klinikal yang telah meningkat sebanyak 111.94% berbanding tahun 2019.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan beberapa langkah sistematik bagi mengatasi buangan klinikal yang semakin bertambah dalam tempoh wabak COVID-19 antaranya:

- (i) memudahcara bagi tujuan melupuskan lambakan buangan klinikal dengan memberi kebenaran pemakaian peralatan tambahan di bawah peruntukan Seksyen 34, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974):
  - (a) **pemakaian *mobile incinerator*** kepada 3 Syarikat Konsesi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu **Radicare (M) Sdn Bhd (2 unit)**, **Medivest Sdn Bhd (1 unit)** dan **Sedafiat Sdn Bhd (2 unit)**;
  - (b) **pemakaian peralatan *mikrowave*** kepada **Sedafiat Sdn Bhd**;
- (ii) memberi **kebenaran penstoran sementara** buangan klinikal di bawah Seksyen 34B, AKAS 1974 kepada Syarikat Konsesi di bawah KKM iaitu **Sedafiat Sdn Bhd.**, Radicare (M) Sdn Bhd. dan Medivest Sdn. Bhd. telah diluluskan;
- (iii) meminta **Syarikat Kualiti Alam Sdn Bhd.** membantu melupuskan lambakan buangan klinikal dari **Radicare** dan **Medivest**. Pihak Kualiti Alam juga telah diberi kebenaran pertambahan kapasiti penstoran buangan klinikal; dan

## SOALAN NO : 33

(iv) memberi **kebenaran penghantaran lambakan buangan klinikal** di Wilayah Persekutuan Labuan dan Loji Sedafiat Lok Kawi, Sabah ke Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. di mana Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MINTRED) telah memberi kebenaran bagi tempoh 16 Julai 2021 sehingga 31 Julai 2022.

- Terdahulu, kebenaran juga telah diberikan kepada Loji Sedafiat Lok Kawi (Sabah) bagi penghantaran lambakan ke Kualiti Alam bagi tempoh 24 Nov 2020 hingga 20 Januari 2021 yang melibatkan 71 buah kontena (369,650.64 MT).

Selain daripada itu, JAS turut mengambil langkah-langkah tambahan seperti berikut:

- (i) memberi opsyen-opsyen bagi penghantaran lambakan buangan klinikal di premis Syarikat Konsesi di bawah KKM iaitu Radicare (M) Sdn Bhd. ke Berjaya Enviro Parks Sdn Bhd. sejak 30 Julai 2021;
- (ii) memohon KKM mengkelaskan semula sisa lebih makanan/bekas makanan daripada Pusat Kuarantin COVID-19 yang menyumbang 50% peningkatan buangan klinikal di Malaysia. Sehubungan itu, pihak KKM telah meneliti semula perkara ini dan satu SOP mengenai Pengurusan Buangan dari Pusat Kuarantin telahpun dikeluarkan oleh KKM pada 24 Ogos 2021 bagi mengkelaskan sisa makanan dan bekas makanan dari Pusat-pusat Kuarantin sebagai sisa pepejal dan bukan sisa klinikal; dan
- (iii) menguar-uarkan pengurusan buangan klinikal secara selamat melalui saluran media kepada semua fasiliti kesihatan dan orang awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN**  
**[SEGAMBUT]**  
**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan MACC terhadap mantan Menteri Wanita berkaitan kes penyelesaian hutang beliau terutamanya sumber wang tersebut dan perbandingan deklarasi aset yang dibuat olehnya sebelum ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan berkenaan dengan kes yang dinyatakan oleh Yang Berhormat telah selesai. Hasil siasatan mendapati tiada sebarang elemen rasuah yang dapat dibuktikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[SANDAKAN]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah konkrit secara terperinci yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kejatuhan pelaburan langsung asing (FDI) yang turun 56 peratus pada tahun 2020, terutamanya bagi Sabah di mana ekonominya semakin merosot.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dan sentiasa berusaha bagi memastikan Malaysia kekal sebagai lokasi pelaburan yang kompetitif dan mesra perniagaan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat pandemik COVID-19.

Pada tahun 2020, negeri Sabah merupakan penerima pelaburan ke-empat terbesar di Malaysia dalam sektor perkilangan dengan 15 projek diluluskan melibatkan pelaburan berjumlah RM12 bilion. Bagi Januari hingga Jun 2021 pula, Sabah telah mencatatkan jumlah pelaburan ketiga tertinggi dalam sektor perkilangan iaitu sebanyak RM4.4 bilion selepas Kedah (RM42.6 bilion) dan Selangor (RM4.6 bilion). Prestasi pelaburan bagi negeri Sabah pada tahun 2020 dan separuh pertama 2021 jelas membuktikan Sabah terus menjadi tarikan pelaburan asing.

Pelbagai inisiatif dan langkah yang telah, sedang dan akan diambil secara proaktif oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia kekal sebagai destinasi tarikan pelaburan. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) misalnya, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang melibatkan:

- i. Pakej pengecualian cukai istimewa bagi menggalakkan syarikat asing memindah (*relocate*) operasi mereka ke Malaysia ataupun menukuhkan operasi baharu dan menjadikan Malaysia sebagai pusat rangkaian bekalan antarabangsa; dan
- ii. Elaun Pelaburan Semula (*Reinvestment Allowance atau RA*) tambahan sebanyak 60% untuk syarikat sedia ada yang yang telah tamat tempoh RA dan Insentif RA Khas. Insentif ini diberikan untuk syarikat terlibat dalam aktiviti perkilangan dan pertanian terpilih serta menjalankan pelaburan semula bagi tujuan pengembangan, automasi, modenisasi dan kepelbagaian dalam tahun penilaian (*assessment year*) 2020 hingga 2022.

Selain itu, langkah-langkah lain yang bertujuan meningkatkan pelaburan baharu dan menarik pelaburan tambahan dalam era pasca COVID-19 termasuklah:

- i. Pembangunan *Portal InvestMalaysia* iaitu platform permohonan berkaitan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan secara atas talian kendalian MIDA bagi membantu mempercepat proses permohonan dan pertimbangan projek pelaburan berkaitan;
- ii. Penubuhan PACU atau dengan izin, *Project Acceleration and Coordination Unit* di MIDA bagi menyediakan fasilitasi secara keseluruhan (*end-to-end facilitation*) untuk memastikan semua projek pelaburan yang telah diluluskan dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Operasi PACU dilaksanakan melalui sistem interaktif digital, *Implementation Tracking and Monitoring System (ITMS)* yang memantau pelaksanaan projek secara *real-time*, dan membolehkan para pelabur melaporkan status semasa serta berhubung secara *live* dengan pegawai PACU untuk khidmat sokongan, sekiranya diperlukan;
- iii. Penubuhan Pusat Sehenti (*One Stop Centre* atau OSC) di MIDA bagi menilai permohonan oleh pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan. Inisiatif ini dikendalikan dengan kerjasama wakil-wakil dari Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan dan MITI dalam memastikan kesihihan dan status kesihatan pelawat perniagaan sebelum memasuki Malaysia. Semenjak ditubuhkan pada 1 Mac 2021 sehingga 25 Ogos 2021, OSC telah membantu 42 syarikat dengan pelaburan bernilai RM119.1 bilion;
- iv. Penganjuran Misi Perdagangan dan Pelaburan ke negara-negara pengeksport utama modal dan teknologi untuk berkongsi serta menyebarkan maklumat tentang peluang pelaburan dan keadaan ekonomi negara yang terkini. Antara bulan April hingga Julai tahun 2021, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta agensi-agensinya yang berkaitan, telah mengadakan Misi Perdagangan dan Pelaburan ke Republik Korea, Jepun, Arab

Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Republik Austria dan Republik Turki. Misi-misi ini telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan sebanyak RM35.97 bilion dari pelabur-pelabur yang berminat dengan potensi mewujudkan lebih daripada 28,000 peluang pekerjaan;

- v. Menjalankan E-Misi Pelaburan Khusus (*E-Specific Project Mission*) bersama pelabur berpotensi di luar dan dalam negara secara *virtual* bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia;
- vi. Menandatangani perjanjian persefahaman serta menganjurkan webinar dengan kolaborasi bersama dewan perniagaan, bank dan komuniti perniagaan antarabangsa di Malaysia; dan
- vii. Menjalankan *media blitz* bagi mempromosikan Malaysia melalui media antarabangsa termasuk *Bloomberg* dan *The Economist*.

Kerajaan akan terus berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing dan domestik yang berkualiti tinggi ke seluruh negeri di Malaysia yang turut menawarkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat. Usaha ini dapat membantu mempercepatkan pemulihan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [PADANG SERAI] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengenai ciapan twitter rasmi KKM pada 6 Ogos 2021 yang mengatakan bahawa penyumbang terbesar kluster di Selangor adalah daripada sektor perkilangan. Adakah fakta yang dikeluarkan itu benar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dalam tempoh 1 Jun 2021 sehingga 6 Ogos 2021, jumlah kes sektor pengilangan adalah sebanyak 12,399, iaitu melibatkan sebanyak 53.2% daripada jumlah kes keseluruhan kluster di Negeri Selangor, iaitu 23,321. Namun demikian, jika dibandingkan jumlah kes dalam sektor pengilangan ini dengan keseluruhan kes baharu yang terkumpul di Selangor bagi tempoh yang sama, sektor ini hanya merangkumi 4.7% daripada keseluruhan 264,440 kes baharu terkumpul.

Jumlah ini juga adalah kecil, iaitu 2.13%, berbanding jumlah keseluruhan pekerja dalam sektor pengilangan di Selangor, iaitu seramai 581,440\* orang (\*sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia - DOSM, Suku Pertama 2021).

Dalam hal ini, ingin saya merujuk kepada Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan pada 21 Jun 2021 di mana beliau menyatakan bahawa kes sporadik menyumbang kepada 69% daripada kes keseluruhan bagi tempoh 1 Januari hingga 19 Jun 2021. Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa penularan kes COVID-19 adalah lebih bersifat sporadik dengan selebihnya boleh diklasifikasikan sebagai kes-kes kluster. Dan apabila kita memperkatakan kes-kes jangkitan berbentuk kluster, seperti kluster tempat kerja contohnya, ia merujuk kepada kluster pengilangan, pembinaan, peruncitan dan beberapa kategori tempat kerja yang lain sering dikaitkan sebagai punca penularan. Namun begitu, bilangan kluster tidak memberikan gambaran sebenar kerana yang dilaporkan adalah dari segi konteks kluster semata-mata dan bukannya merujuk sepenuhnya kepada keseluruhan kes harian individu.

Oleh yang demikian, fakta yang dikeluarkan di dalam ciapan twitter rasmi KKM pada 6 Ogos 2021 bahawa sektor pengilangan penyumbang terbesar kluster di Selangor adalah benar. Namun, kita perlu melihat dengan

**NO SOALAN: 36**

lebih terperinci berdasarkan kes di mana sektor pengilangan di Selangor hanya menyumbang 4.7% jika dibandingkan dengan kes-kes baharu terkumpul di Selangor bagi tempoh yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan amat jelas bahawa pengisytiharan darurat pada Januari 2021 telah gagal mengatasi pandemik COVID-19 mengakibatkan Perdana Menteri Ke-8 terpaksa meletakkan jawatannya, apakah jaminan bahawa Kerajaan tidak akan mengisytihar darurat sekali lagi pada masa yang akan datang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada 11 Januari 2021, Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi perkenan supaya darurat dikuatkuasakan sehingga 1 Ogos 2021. Proklamasi Darurat tersebut adalah sebagai langkah proaktif bagi membendung dan menguruskan pandemik Covid-19 secara berkesan dan segera.

Dalam tempoh tersebut, terdapat enam (6) Ordinan Darurat yang telah diwarta dan dikuatkuasakan. Penguatkuasaan Ordinan-Ordinan Darurat telah membolehkan Kerajaan menguruskan Pandemik COVID-19 secara menyeluruh dengan mengimbangi antara kepentingan kesihatan rakyat dan kelangsungan ekonomi negara.

Namun begitu, virus COVID-19 yang bermutasi dan mencetuskan varian baharu yang lebih ganas dan mampu merebak melalui udara (*airborne*) serta ditambah pula dengan ketidakpatuhan segelintir masyarakat terhadap SOP telah menyebabkan wabak ini menular dengan pantas dan mendatangkan cabaran yang besar kepada Kerajaan untuk menanganinya.

Dalam hal ini, pernyataan yang mengatakan pengisytiharaan darurat bagi mengatasi pandemik COVID-19 telah gagal adalah kurang tepat kerana terdapat kebaikan-kebaikan yang jelas daripada Proklamasi ini yang telah membolehkan Kerajaan melaksanakan tindakan mengukuhkan pengurusan kesihatan awam dengan lebih berkesan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik perceraian masyarakat luar bandar semasa pandemik. Apakah terdapat kajian menyeluruh berhubung dengan perkara tersebut dan sejauh mana tindakan Kerajaan yang telah dan akan laksanakan bagi menangani masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mahkamah tidak mempunyai statistik khusus berkenaan bilangan perceraian masyarakat luar bandar semasa pandemik. Walau bagaimanapun, bilangan kes perceraian yang difaiklan semasa tempoh pandemik dari bulan Mac 2020 hingga Ogos 2021 bagi golongan bukan Islam di seluruh Malaysia sebanyak 10,346 kes. Daripada jumlah ini, negeri Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 3160 kes, diikuti Kuala Lumpur sebanyak 2893 kes dan Perak sebanyak 1209 kes. Perincian mengikut negeri adalah seperti yang berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Kes Perceraian yang difaiklan bagi bulan Mac 2020 hingga Ogos 2021</b>
Kedah	76
Perak	1209
Perlis	41
Pahang	386
Melaka	449
Johor	1197
Negeri Sembilan	861
Kelantan	45
Kuala Lumpur	2893
Terengganu	29
Selangor	3160
<b>JUMLAH</b>	<b>10 346</b>

**Input daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia:**

Secara dasarnya Jabatan ini mempunyai statistik umum berkaitan kes permohonan cerai yang telah difaiklan di Mahkamah Syariah dan boleh dijana melalui sistem e-Syariah. Namun demikian, Jabatan ini tidak mempunyai pecahan statistik khusus permohonan perceraian yang melibatkan masyarakat bandar mahupun luar bandar. Walau bagaimanapun, jumlah kes cerai yang didaftarkan sejak bulan Mac 2020 hingga Ogos 2021 bagi golongan beragama Islam adalah sebanyak 66, 440 kes keseluruhannya. Perincian mengikut negeri adalah seperti yang berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Jumlah Kes Perceraian yang difaiklan bagi bulan Mac 2020 hingga Ogos 2021</b>
Johor	7558
Kedah	5985
Kelantan	5982
Melaka	2402
Negeri Sembilan	3473
Pahang	5058
Perak	5921
Perlis	1081
Pulau Pinang	2978
Sabah	4010
Sarawak	561
Selangor	12479
Terengganu	5098
Wilayah Persekutuan	3854
<b>JUMLAH</b>	<b>66, 440</b>

Buat masa ini tiada kajian menyeluruh yang dijalankan oleh Jabatan ini berhubung dengan perkara tersebut.

**Input Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat:**

Kementerian ini tidak melaksanakan kajian berkenaan peceraian masyarakat luar bandar semasa pandemik. Walau bagaimanapun, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan tinjauan pendapat umum bertajuk “Tekanan dan Cabaran Keibubapaan dalam Mendepani Gelombang Baharu Pandemik COVID-19” seperti berikut:

**Ringkasan Hasil Tinjauan Pendapat Umum bertajuk “Tekanan dan Cabaran Keibubapaan dalam Mendepani Gelombang Baharu Pandemik COVID-19” oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**

Sejak pandemik COVID-19 mula melanda, bencana ini telah merubah hampir keseluruhan corak kehidupan masyarakat bukan sahaja di Malaysia, malah seluruh dunia. Krisis COVID-19 telah menyebabkan pihak kerajaan Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020, dan masyarakat, khususnya golongan yang berisiko disarankan untuk kekal berada di rumah dan mengutamakan keselamatan dan kesihatan diri. Kehidupan “norma baharu” ini dilihat mula memberi kesan dari pelbagai aspek kehidupan terutama institusi kekeluargaan.

Justeru, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengambil inisiatif untuk menjalankan satu tinjauan pendapat umum

## **NO. SOALAN: 38**

bagi mengetahui cabaran, tahap tekanan emosi dan kesihatan mental yang dihadapi ibu bapa, selain ingin mengetahui sebarang corak perubahan yang berlaku dalam persekitaran keluarga. Tinjauan ini dilaksanakan secara dalam talian pada 5 sehingga 14 Mac 2021 dengan penglibatan 1,148 responden yang terdiri daripada golongan ibu dan bapa warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas serta mempunyai anak berumur 7 hingga 24 tahun sahaja. Sebelum tercetusnya gelombang ketiga pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP 2.0 pada awal tahun ini, 49.4 peratus ibu bapa menyatakan kehidupan mereka dan keluarga hampir kembali normal dan majoriti daripada mereka mulai peka, faham dan mengamalkan cara kehidupan “norma baharu”. Namun begitu, selepas tercetusnya gelombang ketiga dan pelaksanaan PKP 2.0, hampir 80.0 peratus ibu bapa menyatakan kehidupan mereka mulai terkesan dari segi ekonomi dan kesihatan mental.

Dari segi ekonomi keluarga, hampir 28.0 peratus ibu bapa menyatakan keadaan kewangan mereka semakin teruk berbanding ketika tempoh gelombang pandemik dan perlaksanaan PKP sebelumnya. Dengan bebanan dan tanggungjawab yang dipikul, faktor kewangan kekeluargaan yang terkesan teruk dilihat mampu mengugat kesihatan dan kesejahteraan mental pasangan suami isteri/ibu dan bapa. Ini terbukti apabila dapatan tinjauan mendapati 84.1 peratus ibu bapa mengalami tekanan emosi atau stres (cemas, gugup dan gelisah) semasa gelombang ketiga pandemik COVID-19 melanda. Faktor utama ibu bapa mengalami tekanan emosi atau stres adalah disebabkan oleh pendidikan anak-anak (21.3%), diikuti penglibatan aktiviti luar yang terhad – terpaksa berkurung (16.4%) dan tempoh pelaksanaan PKP yang tidak dapat dipastikan (12.2%). Terkesan

**NO. SOALAN: 38**

dengan tekanan emosi atau stres, 63.0 peratus daripadanya pula menyatakan pernah mengalami kemurungan. Kesan dari kemurungan tersebut, 20.4 peratus ibu bapa mula sukar mengawal kemarahan. Ini diikuti dengan mereka yang sukar tidur dengan tenang (16.8%) dan kerap sakit kepala atau perut (15.8%). Keluarga juga berdepan kesukaran dalam mengendalikan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi anak-anak yang bersekolah. Walaupun 9 daripada 10 ibu bapa menyatakan telah mempunyai sekurang – kurangnya satu peranti (seperti iPad, Tablet, Komputer atau Telefon Pintar) bagi kegunaan anak-anak untuk PdPR, namun hanya 37.5 peratus ibu bapa yang mampu menyediakan rangkaian Internet jalur lebar yang stabil dan baik di rumah. Majoriti (70.0%) ibu bapa turut menyatakan persetujuan mereka bagi pembukaan semula sekolah dan pusat pengajian tinggi, dengan syarat pematuhan penuh kepada Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Hal ini kerana, para ibu bapa mendapati anak-anak mengalami masalah pemahaman pembelajaran (24.4%), mudah bosan atau hilang fokus (19.2%) dan tiada peluang berinteraksi dengan guru (18.3%). Pandemik COVID-19 sememangnya telah memberi impak yang besar dari segi ekonomi, sosial dan kehidupan seharian semua pihak, dan berdasarkan jangkaan daripada ibu bapa melalui tinjauan ini, pandemik

**NO. SOALAN: 38**

COVID-19 dijangka akan terus menular dalam negara untuk tempoh lebih 1 hingga 3 tahun lagi (73.4%). Pihak kerajaan diharap untuk terus kekal berusaha dalam membantu golongan terkesan di samping merangka inisiatif baharu yang lebih menyeluruh. Bagi mencapai “herd immunity” pula, hampir keseluruhan ibu bapa (96.1%) bersetuju untuk menerima suntikan vaksinasi COVID-19 yang dibekalkan oleh pihak kerajaan bersama ahli keluarga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [ RAUB ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadangkan untuk membuat OSC (one stop center) setiap kawasan /daerah bagi memudahkan serta masalah SOP dapat dipermudahkan dan diselaraskan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak Kerajaan sentiasa komited dalam menangani setiap isu pengurusan COVID-19 di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Setakat ini Kerajaan belum bercadang mewujudkan *One Stop Center* (OSC) secara khusus di setiap kawasan dan daerah memandangkan *Standard Operating Procedure* (SOP) sentiasa dibincangkan melalui siri mesyuarat di peringkat pusat.

## **SOALAN NO : 39**

Walaupun OSC ini tidak diwujudkan secara khusus di setiap kawasan dan daerah, pengoperasian Pusat Panggilan Kerajaan Malaysia (MyGCC) yang berperanan sebagai pusat panggilan setempat (*one-stop call centre*) dan menjadi rujukan awam dalam menjawab sebarang maklum balas, isu dan pertanyaan berkaitan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan SOP PPN telah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap kementerian dan agensi juga diarahkan untuk menyediakan senarai soalan lazim (*Frequently Asked Questions - FAQs*) dan membuka bilik gerakan serta Hotline masing-masing khususnya bagi mengendalikan maklum balas dan pertanyaan berbangkit daripada orang awam berkaitan bidang kuasa kementerian/agensi berkenaan. Pihak kementerian dan agensi juga dipertanggungjawabkan untuk menyediakan penerangan melalui bahan-bahan infografik yang mudah difahami dan dijadikan rujukan am. SOP PKP yang telah diwartakan dan FAQs terkini akan dimuatnaik dari semasa ke semasa di laman sesawang dan Telegram MKN, JPM sebagai rujukan am.

**NO. SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 [SELASA]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kementerian terhadap isu berkenaan golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius dengan isu berkenaan golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini. Malaysia adalah sebuah negara yang berpegang kepada agama Islam sebagai agama Persekutuan yang menerapkan nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama yang sekian lama diterapkan dalam kalangan masyarakat tempatan. Sehubungan itu, mana-mana individu yang melanggar undang-undang perlu diambil tindakan. Namun begitu, pada masa yang sama, mereka perlu ditarbiah dengan cara yang paling berhikmah dan diberi kesedaran untuk kembali ke pangkal jalan.
2. Kerajaan juga berharap adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, sama ada agensi kerajaan atau swasta termasuk masyarakat awam, untuk mengajak dan membimbing golongan LGBT ini untuk kembali kepada fitrah. Usaha sebegini sangat dituntut dengan harapan mereka boleh melakukan perubahan diri.
3. Atas rasa tanggungjawab tersebut, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi agama Islam peringkat Persekutuan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), telah mengambil inisiatif menyantuni golongan ini bagi membantu mereka kembali kepada fitrah.
4. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh JAKIM menyantuni dan membantu golongan LGBT di Malaysia adalah melalui beberapa pendekatan seperti berikut:
  - (a) **Pembentukan Pelan Tindakan Sosial Islam**  
Pelan Tindakan Sosial Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (PTSI JAKIM) 2019-2025 telah dibangunkan bagi menangani gejala sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia termasuklah isu LGBT. Antara usaha yang telah

## **NO. SOALAN: 40**

dilaksanakan adalah dengan mewujudkan *task force* yang turut dianggotai oleh beberapa buah kementerian dan agensi yang saling membantu menangani isu LGBT.

**(b) Pelaksanaan Program Bimbingan dan Sokongan**

**i) Mukhayyam atau Kem Ibadah**

Program ini dilaksanakan dengan objektif untuk membimbing dan memberikan kesedaran kerohanian/ spiritual terhadap golongan LGBT melalui pendekatan agama (tauhid) untuk memberikan pendedahan dan bimbingan ilmu fardhu ain dan pengetahuan serta kesedaran berkaitan kesihatan khususnya HIV.

Sehingga Jun 2021 seramai 1,733 orang peserta di kalangan golongan LGBT yang telah mengikuti Program Mukhayyam JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri serta Pusat Zakat. Di samping itu, terdapat dua belas (12) NGO Komuniti Hijrah daripada golongan LGBT yang beragama Islam telah berjaya ditubuhkan.

**ii) Program Susulan dan Sokongan**

Program susulan dan sokongan ini merupakan aktiviti susulan seperti usrah dan kelas pengajian serta bantuan modal awal perniagaan untuk ekonomi sara diri melalui inisiatif komuniti sendiri atau agensi-agensi seperti JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN), dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Program Usrah Iqrak yang dilaksanakan setiap bulan merupakan program pengisian kerohanian yang membantu komuniti ini untuk menambah ilmu dan pengetahuan dalam agama yang dilaksanakan secara bersemuka. Walau bagaimanapun, dalam tempoh pandemik ini program tersebut telah dilaksanakan secara atas talian.

## **NO. SOALAN: 40**

### **iii) Program Pendidikan dan Advokasi Berkaitan Isu LGBT**

Program yang dilaksanakan adalah berbentuk seminar yang mensasarkan masyarakat awam termasuk pelajar-pelajar sekolah, universiti awam dan swasta (UA/US), kaunselor sekolah/UA/US, ibu bapa, sukarelawan sosial Islam, staf kesihatan dan wakil NGO sosial Islam. Seminar ini membincangkan isu LGBT dari aspek psikososial, psikologi, psiko-spiritual dan kesihatan agar peserta mendapat maklumat dan kemahiran yang tepat bagi menghindari perlakuan LGBT serta membantu golongan yang terlibat untuk meninggalkan perlakuan LGBT. Program ini turut melibatkan golongan LGBT yang dijemput sebagai ahli panel untuk sesi perkongsian.

Dalam menghadapi tempoh pandemik ini, program seumpama ini telah dilaksanakan secara atas talian dan pada 4 September 2021, satu Persidangan Pra-Bengkel Khemah Ibadah Nusantara Bersama Komuniti LGBT telah diadakan melibatkan komuniti LGBT dari empat (4) buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura.

### **iv) Sumbangan Tabung Musa'adah**

Mengambilkira bahawa golongan ini juga merupakan antara yang terkesan dengan pandemik Covid-19, JAKIM tampil menghulurkan sumbangan bantuan Tabung Musa'adah kepada golongan LGBT. Seramai 525 orang yang pernah menyertai program Mukhayyam JAKIM telah diberikan sumbangan.

### **c) Penubuhan Pusat Khidmat Sosial**

Pusat Khidmat Keluarga dan Sosial Komuniti (PKKSK) termasuklah KSKCareCentre yang diletakkan di bawah JAKIM. Pusat ini menyediakan khidmat Kaunseling Syarie, Terapi Psikospiritual Islam dan Ilaj Syarie. Ia terletak di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin dan dibuka kepada semua

## **NO. SOALAN: 40**

masyarakat awam. Perkhidmatan di pusat ini boleh diperolehi secara percuma. Perkhidmatan ini juga turut disebar luas di negeri-negeri dengan kerjasama daripada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

**d) Mewujudkan Talian *MyCare Cov.19***

Talian ini diwujudkan atas inisiatif JAKIM bagi menghadapi tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah menimbulkan kesan terhadap emosi masyarakat. Talian ini telah bermula sejak April 2020 sehingga kini bagi menyantuni masyarakat awam yang terkesan akibat pandemik ini. Talian ini menerima pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat awam dan telah disantuni oleh petugas-petugas yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di JAKIM termasuk kaunselor-kaunselor yang telah dilantik.

**e) Mewujudkan bahan-bahan penerbitan**

JAKIM dengan kerjasama Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM) telah menerbitkan e-book Panduan Hijrah Diri bagi mereka yang mengalami permasalahan homoseksual yang boleh dimuat turun di *Google Playstore*, buku “Hadith Sahih Berkenaan Perlakuan LGBT” serta risalah “Memahami LGBT Daripada Perspektif Seorang Muslim”. JAKIM juga telah membangunkan Modul ‘Ilaj Wa Syifa’ (Rawatan dan Pemulihan) khusus bagi golongan Lesbian dan Gay (JAKIM, 2020). Terkini, buku Menelusuri Fitrah Insani merupakan buku terbitan baru JAKIM (Tahun 2021).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]  
**TARIKH** : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

**SOALAN**

**TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pencapaian semasa pelaksanaan vaksinasi bagi pekebun-pekebun kecil yang bekerja di ladang kelapa sawit milikan swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan serta usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan tiada seorang daripada mereka yang tercincir daripada divaksini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

- Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 pada 1 Julai 2021 telah bersetuju supaya **Program Vaksinasi Sektor Agrikomoditi (VACOMS)** dilaksanakan untuk melengkapkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi mempercepatkan kadar imunisasi dalam kalangan pekerja-pekerja sektor perladangan dan komoditi.
- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan September 2021, sebanyak dua (2) buah Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) di bawah sektor agrikomoditi telah beroperasi bermula 2

Julai 2021 iaitu di **Ladang Tennamaram, Bestari Jaya, Selangor** dan juga di **Fibre and Biocomposite Development Centre (FIDEC), Banting, Selangor**. Pecahan bilangan pekerja yang telah divaksinasi mengikut setiap PPVIN adalah seperti berikut:

BIL.	PPVIN	BILANGAN PEKERJA DIVAKSINASI
1.	Ladang Tennamaram	3,747
2.	FIDEC	10,005
<b>JUMLAH</b>		<b>13,752</b>

- KPPK bersama pihak industri juga telah mula melaksanakan Program VACOMS ini di luar negeri Selangor dan Kuala Lumpur yang melibatkan syarikat-syarikat seperti FGV, Sime Darby Plantation serta Majlis Getah Malaysia (MRC). Kementerian juga turut menerima beberapa permohonan baharu daripada pihak industri dan telah pun dikemukakan kepada pihak MOSTI untuk pertimbangan serta kelulusan selanjutnya.
- KPPK turut merancang untuk menggabungkan Progam VACOMS bersama dengan Program MOVAK (Mobilisasi Vaksin Komuniti) bagi mempercepatkan proses pemberian vaksin kepada pekerja yang berada di kawasan pedalaman sekali gus meningkatkan kadar vaksinasi Covid-19 di negara ini
- Bagi memastikan semua pekerja di sektor perladangan dan komoditi mendapat vaksin, Kementerian sentiasa mengalu-alukan pendaftaran daripada syarikat-syarikat untuk menyertai program ini berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh CITF.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :** JAWAB LISAN

**DARIPADA :** TUAN CHANG LIH KANG  
[ TANJONG MALIM ]

**TARIKH :** 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

**SOALAN**

**TUAN CHANG LIH KANG [ TANJONG MALIM ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia mengenai nasihat undang-undang Mahkamah Keadilan Antarabangsa 2019 dan keputusan Penghakiman Tribunal Antarabangsa Untuk Undang-Undang Laut (ITLOS) 2021 terhadap pertikaian kedaulatan Kepulauan Chagos dan samada Malaysia menyokong kemerdekaan Kepulauan Chagos.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Malim atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertikaian berkenaan Kepulauan Chagos adalah di antara negara Mauritius dan Britain. Pertikaian ini telah berlarutan sejak tahun 1968 apabila Britain tidak mengisytihar kemerdekaan Kepulauan Chagos bersama-sama Mauritius.
3. Pada 25 Februari 2019, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) telah memutuskan bahawa penjajahan Britain ke atas Kepulauan Chagos adalah melanggar undang-undang. Mahkamah ICJ turut memutuskan agar Britain menyerahkan semula Kepulauan Chagos kepada Mauritius dalam kadar segera bagi melengkapkan proses penyahajahan, selaras dengan kemerdekaan yang telah diberikan kepada Mauritius pada tahun 1968. Mahkamah ICJ memutuskan bahawa pemisahan Kepulauan Chagos daripada Mauritius tidak dibuat dengan kerelaan penduduk-penduduk tempatan di kepulauan berkenaan, khususnya masyarakat orang asal (*natives*).
4. Keputusan mahkamah ICJ telah dibawa ke Perhimpuan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun yang sama, melalui resolusi 73/295. Sebanyak 116 buah negara telah mengundi menyokong resolusi tersebut bagi menyokong keputusan ICJ, termasuk Malaysia.
5. Selanjutnya, keputusan penghakiman oleh Tribunal Antarabangsa Untuk Undang-Undang Laut (ITLOS) pada tahun 2021 juga telah memihak kepada Mauritius dalam menyelesaikan pertikaian sempadan laut sekitar Kepulauan Chagos di antara Mauritius dan Maldives. ITLOS memutuskan bahawa Mauritius mempunyai hak ke atas Kepulauan Chagos dan

menegaskan bahawa keputusan ICJ pada tahun 2019 mempunyai implikasi undang-undang ke atas kepulauan tersebut. ITLOS juga menekankan bahawa tuntutan oleh Britain yang masih berterusan terhadap Kepulauan Chagos adalah bercanggah dengan keputusan yang telah dipersetujui di ICJ sebelum ini.

6. Dalam hal ini, Malaysia telah menyokong resolusi 73/295 Perhimpunan Agung PBB pada tahun 2019 mengenai keputusan mahkamah ICJ serta keputusan penghakiman oleh ITLOS berdasarkan kepada pendirian Malaysia dalam memartabatkan prinsip perundangan (*rule of law*) bagi menyelesaikan pertikaian antarabangsa. Kerajaan Malaysia berpendirian bahawa fokus utama dalam isu ini adalah untuk mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan di Kepulauan Chagos serta memastikan hak penduduk Mauritius yang berasal dari kepulauan tersebut terpelihara.
7. Dalam masa yang sama, Kerajaan Malaysia tetap komited dalam memelihara hubungan dua hala Malaysia dengan Mauritius dan Britain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN  
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kejadian di tempat kerja sering berlaku serta melibatkan kemalangan jiwa pekerja-pekerja tempatan dan asing seperti dilaporkan oleh media. Kementerian memberi jaminan dan langkah yang telah ambil bagi menjamin kerja-kerja di tapak pembinaan selamat dan kondusif.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kemalangan maut dalam industri pembinaan telah menurun mulai tahun 2017 iaitu daripada 14.57 orang bagi setiap 100,000 orang pekerja kepada 13.44 orang bagi setiap 100,000 pekerja pada tahun 2018. Manakala sejumlah 11.28 orang bagi setiap 100,000 orang pekerja pada tahun 2019 dan 6.9 orang bagi setiap 100,000 orang pekerja pada tahun 2020. Kemalangan yang berlaku di tapak bina adalah berpunca daripada pelbagai sebab, antaranya adalah kegagalan oleh perunding, kontraktor dan pekerja dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menyediakan garis panduan dan standard keselamatan pembinaan, serta melaksanakan penguatkuasaan pematuhan kepada perundangan, pendakwaan dan penalti yang berkaitan dalam memastikan keselamatan di tapak bina. Dalam masa yang sama, bagi mengurangkan insiden kemalangan di tapak bina, pelbagai latihan seperti ***Safety Induction Construction Worker (SICW), Site Safety Supervisor (SSS), Traffic Management Officer (TMO)*** juga diberikan kepada kontraktor-kontraktor pembinaan.

KKR dan agensinya CIDB juga menyediakan subsidi sehingga 50% untuk latihan ***Safety and Health Officer, Site Safety Supervisor dan Lifting Supervisor*** bagi memastikan pegawai keselamatan ini dapat membantu kontraktor dalam urusan keselamatan di tapak bina dengan memberi taklimat kepada pekerja sebelum sesuatu kerja atau aktiviti dapat dilaksanakan dengan selamat.

KKR dan agensinya CIDB juga telah membangunkan dokumen Standard Industri Pembinaan selepas kejadian kemalangan di Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated Expressway (SUKE), iaitu CIS 28:2021

berkaitan ***Public & Road User Safety - Construction Works Adjacent to And Above Roadways.*** Standard ini adalah digunakan oleh kontraktor untuk mengelakkan kemalangan yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembinaan bersebelahan atau di atas jalanraya sedia ada. Pembangunan Standard ini telah dilaksanakan bersama-sama dengan pemain industri (*stakeholders*). Antara organisasi yang terlibat semasa pembangunan standard tersebut adalah Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuh Raya (LLM), *Institution of Engineers* (IEM), *Department of Occupational Safety and Health* (DOSH) dan *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS). Pihak kontraktor pula telah diwakili oleh *Master Builders Association Malaysia* (MBAM) manakala pihak jurutera perunding telah diwakili oleh *Association of Consulting Engineers Malaysia* (ACEM). Standard CIS 28:2021 ini boleh dimuat turun daripada laman web CIDB.

Selain dari KKR, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut mengambil tindakan dan langkah yang berkaitan dengan mengadakan operasi penguatkuasaan secara berkala dan mengenakan tindakan punitif terhadap ketidakpatuhan di tapak pembinaan. Sebagai langkah penambahbaikan berterusan, JKKP juga telah menerbitkan dan menggalakkan pemakaian Garis Panduan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (OSHCIM) 2017 yang menitikberatkan tanggungjawab semua pihak dalam mengenalpasti dan mengawal risiko insiden.

KKR melalui CIDB akan terus bekerjasama dengan agensi penguatkuasa yang lain seperti pihak Pihak berkuasa Tempatan (PBT), DOSH, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) dan sebagainya bagi memastikan kontraktor sentiasa mematuhi peraturan dan mengamalkan budaya kerja selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN  
[ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 7 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 45**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek pembangunan di Sabah yang tidak dapat disiapkan di bawah RMK-11, yang akan disambung dan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) mengikut pecahan kategori projek dan Parlimen

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11), sebanyak 940 projek telah diluluskan di negeri Sabah dengan jumlah peruntukan sebanyak RM23.16 bilion. Peruntukan yang diluluskan ini merupakan 9.3% daripada keseluruhan dan jumlah yang tertinggi berbanding dengan peruntukan kepada negeri-negeri lain.

Daripada bilangan projek ini, sebanyak 669 projek tidak dapat disiapkan di bawah RMKe-11 dan disambung pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12).

Pecahan kategori projek dan parlimen adalah seperti berikut:

PARLIMEN	BIL PROJEK	KATEGORI
BATU SAPI	9	FIZIKAL
BEAUFORT	33	
BELURAN	31	
KALABAKAN	10	
KENINGAU	32	
KIMANIS	10	
KINABATANGAN	29	
KOTA BELUD	42	
KOTA KINABALU	36	
KOTA MARUDU	30	
KUDAT	32	
LIBARAN	14	
PAPAR	20	
PELBAGAI PARLIMEN	63	
PENAMPANG	12	
PENSIANGAN	15	
PUTATAN	17	
RANAU	34	
SANDAKAN	20	
SEMPORNA	25	
SEPANGGAR	29	
SILAM	25	
SIPITANG	15	
TAWAU	24	
TENOM	13	
TUARAN	21	
BEAUFORT	2	BUKAN FIZIKAL

<b>PARLIMEN</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>KATEGORI</b>
BELURAN	3	28 PROJEK
KINABATANGAN	2	
KUDAT	1	
PELBAGAI PARLIMEN	16	
PENSIANGAN	1	
SILAM	2	
TENOM	1	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>669</b>	

Sekian, terima kasih.  
Jabatan Perdana Menteri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
(PANDAN)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci perolehan rundingan terus bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya untuk tempoh suku pertama dan suku kedua tahun 2021.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Perolehan Rundingan Terus Kementerian Wilayah Persekutuan serta Jabatan/Agensi di bawahnya yang menggunakan Peruntukan Persekutuan berdasarkan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) pada suku tahun kedua adalah Perkhidmatan Menaiktaraf Sistem Kewangan SAGA-CENTURY kepada GRP 9.0 dan Khidmat Sokongan Teknikal.

Perkhidmatan menaiktaraf dan menyelenggara sistem ini adalah bagi memastikan sistem kewangan agensi dalam keadaan baik selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada akan mengiktiraf Kerajaan Taliban yang baru mengambil kuasa melalui senjata, atau terus mengiktiraf Kerajaan lama yang dipilih melalui peti undi. Apakah pendirian Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Baru atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Suka saya menekankan bahawa Dasar Luar Malaysia adalah berlandaskan dasar yang bebas, berprinsip dan pragmatik, berdasarkan nilai keamanan, kemanusiaan, keadilan dan kesaksamaan.
3. Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, pihak Taliban telah menguasai Afghanistan setelah berjaya mengambil alih Kabul dan Istana Presiden pada 15 Ogos 2021.
4. Malaysia akan terus menggunakan platform antarabangsa seperti PBB, OIC dan ASEAN untuk menyuarakan pandangan dan pendirian negara terhadap masa depan Afghanistan berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- a. kerajaan yang dibentuk bersifat inklusif bagi mencapai keamanan dan kestabilan berkekalan supaya rakyat Afghanistan dapat mengecapi kemajuan dan kemakmuran;
  - b. Afghanistan yang mempunyai proses berpaksikan rakyatnya, iaitu, dengan izin, berdasarkan prinsip *Afghan-led, Afghan-owned* dan *Afghan-controlled peace reconciliation process*; dan
  - c. Kerajaan baharu Afghanistan memastikan negara tersebut tidak melindungi dan menjadi tempat selamat (*safe-haven*) bagi kumpulan pengganas dan segala aktiviti berkaitan keganasan.
5. Sehingga kini, masih tiada negara-negara yang mengiktiraf kerajaan sementara Emiriah Islam Afghanistan. Ini disebabkan kebanyakan negara termasuk Malaysia sedang meneliti perkembangan di negara tersebut. Tambahan pula, rata-rata mendapati bahawa penubuhan kabinet interim Afghanistan tersebut tidak menepati aspirasi rakyat Afghanistan. Apa yang dihasratkan adalah komposisi kabinet yang lebih seimbang, inklusif, termasuk penyertaan wanita dan wakil-wakil komuniti Afghanistan dalam kabinet interim tersebut.
6. Sebelum pengiktirafan dapat dibuat oleh Kerajaan, pertimbangan-pertimbangan akan diberikan kepada faktor-faktor seperti tahap penerimaan oleh rakyat Afghanistan sendiri dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), terutamanya Majlis Keselamatan dan Perhimpunan Agung PBB dijangka akan mengambil pendirian berhubung pengiktirafan pentadbiran baharu Afghanistan pada masa yang sesuai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' DR. HASAN BIN BAHROM  
(TAMPIN)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkara berkaitan dengan pembinaan jajaran jalan raya empat lorong Gemas - Tampin. Perkara ini amat penting memandangkan wujudnya Kem Tentera Gemas yang strategik dan keselamatan anggota tentera yang berulang-alik dari rumah ke kem perlu diberi perhatian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini pernah mengangkat permohonan Menaiktaraf Jalan Senawang - Gemas (pakej 1 - pakej 4), Laluan Persekutuan 1 (FT001) di dalam Rolling Plan 1 (RP1), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Jalan yang dimaksudkan Ahli Yang Berhormat adalah termasuk di dalam pakej 3 : Tampin - Gemencheh (Seksyen 268 - 246) sepanjang 22km dan pakej 4 : Gemencheh - Gemas (Seksyen 246 - 214) sepanjang 32km. Namun demikian, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan pelaksanaan dalam tempoh tersebut.

Selain itu, berdasarkan kepada data banci lalulintas *Road Traffic Volume Malaysia* (RTVM) 2020, aliran trafik di kawasan ini masih lancar dan stabil pada tahap *Level Of Service* (LOS) A dan B serta masih mampu menampung aliran trafik sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek ini tiada dalam senarai keutamaan yang diterima daripada Negeri Sembilan untuk *Rolling Plan 2* (RP2) RMKe-12. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan meneliti semula projek ini sekiranya dimohon untuk *Rolling Plan* RMKe-12 yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 [SELASA]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan strategik bagi memperkasakan mahkamah syariah menerusi pindaan Akta 355 (mahkamah syariah) bagi tahun 2021.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk memperkasa dan menaikkan kedudukan mahkamah syariah agar setanding dengan mahkamah sivil.
2. Aspek pemerkasaan mahkamah syariah meliputi pelbagai aspek yang penting seperti meningkatkan tahap kompetensi Hakim Syarie, Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama, penambahbaikan aspek tadbir urus dan prasarana mahkamah Syariah, penggubalan dan pindaan undang-undang Syariah sedia ada dan penyeragaman dan penyelarasian undang-undang Syariah.
3. Antara langkah yang telah diambil untuk memperkasa dan menaik taraf mahkamah Syariah supaya sesuai dengan perkembangan semasa ialah dengan menubuhkan suatu jawatankuasa bagi mengkaji dan

menggubal Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2022 ('RUU Mahkamah').

4. Bagi meningkatkan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah pula, Kerajaan juga sedang mempergiat usaha untuk mendraf Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2021 ("RUU 355").
5. Untuk makluman, sepanjang tahun 2020 dan 2021 Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil ("Jawatankuasa Teknikal") yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan RUU 355 dengan melihat dari pelbagai aspek khususnya aspek perlombagaan, undang-undang dan hukum Syarak agar RUU 355 tersebut lebih komprehensif dan seterusnya dapat memperkasa bidang kuasa jenayah mahkamah syariah.
6. Setelah RUU 355 dimuktamadkan kelak, RUU 355 tersebut akan dibentangkan kepada negeri-negeri dalam Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak dan Sivil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN  
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah persediaan yang diambil Kementerian bagi memastikan cerun-cerun, pembentungan serta sistem aliran disepanjang jalan raya serta bangunan-bangunan yang diuruskan oleh Kementerian sentiasa selamat dan berupaya mengekang kejadian tanah runtuh dan terputusnya hubungan logistik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini bersama-sama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memberi perhatian serius terhadap pelaksanaan kerja-kerja penyenggaraan jalan dan cerun serta bangunan di Jalan Persekutuan oleh pihak syarikat penyenggaraan jalan dan cerun serta bangunan yang dilantik.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan sistem pembetung dan sistem saliran di sepanjang jalan raya berfungsi dengan baik, pihak syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan longkang dan pembetung di bawah skop penyenggaraan rutin.

Kerja tersebut dilaksanakan setiap tahun mengikut jadual penyenggaraan bagi memastikan sistem saliran jalan persekutuan bersih dan berfungsi dengan baik. Pusingan kerja penyenggaraan pembetung di Jalan Protokol dilaksanakan sebanyak 6 kali setahun, manakala bagi Jalan Utama dan Jalan Sekunder, kerja penyenggaraan dilaksanakan sebanyak 2 kali setahun. Bagi kerja penyenggaraan longkang pula, pusingan kerja dilaksanakan sebanyak 4 kali setahun di Jalan Protokol, manakala bagi Jalan Utama serta Jalan Sekunder dilaksanakan sebanyak 2 kali pusingan setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak syarikat konsesi yang dilantik turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan pemantauan keadaan jalan secara berkala di bawah skop penyenggaraan rutin melalui kerja pemeriksaan rutin sebanyak 2 kali seminggu bagi memastikan keadaan jalan selamat dilalui dan mengemukakan laporan segera sekiranya terdapat kerosakan yang memerlukan pembaikan. Di samping itu, Kementerian ini turut menyalurkan peruntukan bagi kerja-kerja membaik pulih pembetung rosak dan menaik taraf sistem saliran yang mana akan

dilaksanakan setiap tahun mengikut keperluan di bawah Program Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2021 KKR telah memperuntukkan sebanyak RM19.12 juta bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan pembetung dan sistem saliran. Kelulusan peruntukan bagi kerja-kerja tersebut adalah berdasarkan senarai keutamaan yang diterima daripada setiap negeri yang terlibat, serta tertakluk juga kepada peruntukan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan (MOF).

Manakala bagi pengurusan penyenggaraan cerun di jalan persekutuan dan aset di bawah tanggungjawab kementerian ini, JKR selaku agensi pelaksana telah melaksanakan kerja-kerja penilaian dan pemetaan tahap bahaya dan risiko cerun di sepanjang jalan persekutuan dengan penggunaan teknologi terkini. Pembangunan Sistem Amaran Awal dan Masa Nyata (Early Warning System - EWS) agar tanda awal cerun runtuh dapat diketahui dan disebarluaskan untuk keselamatan penghuni/pengguna yang berada di lokasi berkenaan. JKR turut melaksanakan Program Pendidikan dan Kesedaran Awam (Public Awareness Education) bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap risiko cerun runtuh.

Selain itu, JKR sedang membangunkan Prosedur Operasi Piawai (SOP) Pengurusan Cerun bagi memastikan pengurusan cerun di jalan persekutuan dilaksanakan dengan teratur serta dari semasa ke semasa melaksanakan kerja-kerja pencegahan (preventive) untuk memperkuatkkan cerun yang dikenalpasti berisiko tinggi di beberapa lokasi Jalan Persekutuan utama bagi mengelakkan berlakunya kejadian tanah runtuh.

Kementerian ini sentiasa komited dalam memastikan semua Jalan Persekutuan dan aset di bawah tanggungjawab Kementerian ini sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan sepanjang tahun berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEH KOK LIM  
[TAIPING]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Tuan Teh Kok Lim [ Taiping ] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pencapaian jumlah pelaburan asing yang diterima untuk tahun terkini berbanding tahun-tahun yang lalu dan usaha-usaha yang telah diambil untuk membaiki kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia masih kekal sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini bagi para pelabur, sungguhpun pandemik COVID-19 telah mengubah landskap pelaburan dunia.

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama meningkat sebanyak 69.8% kepada RM107.5 bilion, berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu (RM63.3 bilion). Pelaburan yang diluluskan pada tempoh ini membabitkan 2,110 projek dan akan mewujudkan 44,994 peluang pekerjaan untuk negara.

Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, pelaburan langsung asing (*foreign direct investment* - FDI) menyumbang sebanyak RM62.5 bilion, sementara pelaburan langsung domestik (*direct domestic investment* - DDI) menyumbang sebanyak RM45.0 bilion. Jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan menyaksikan lonjakan sebanyak 214.9% kepada RM62.5 bilion berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu (RM19.8 bilion).

Negara-negara penyumbang terbesar FDI adalah dari Singapura (RM43.5 bilion), Republik Korea (RM6.3 bilion), Belanda (RM5.1 bilion), Kepulauan British Virgin (RM3.0 bilion) dan Jepun (RM0.6 bilion). Di antara projek berkualiti dan berteknologi tinggi yang diluluskan adalah syarikat Risen Energy daripada China dengan jumlah pelaburan sebanyak RM42.2 bilion bagi tempoh 15 tahun untuk mengeluarkan produk solar berteknologi *bi-facial* yang akan membuka 3,496 peluang pekerjaan dan memberi peluang syarikat-syarikat tempatan untuk menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan global.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia terus mempamerkan pencapaian yang memberangsangkan dalam usaha menarik pelaburan. Semenjak Januari sehingga Mei 2021, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), sebuah agensi di bawah MITI, telah menerima permohonan daripada 893 projek dengan cadangan pelaburan bernilai RM51.1 bilion dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang sedang dipertimbangkan oleh MIDA.

Dalam hal ini, MIDA juga turut mengenalpasti sejumlah 325 projek berprofil tinggi yang sedang dalam rundingan yang melibatkan pelaburan berjumlah RM97.4 bilion dan dijangka dapat dimuktamadkan pada tahun ini. Ini termasuk syarikat AT&S AG yang berpengkalan di Austria yang mempunyai potensi untuk melabur sebanyak RM8.5 bilion di Malaysia bagi pengeluaran *integrated circuits (IC) substrates*. Teknologi *IC substrates* yang akan dibawa masuk adalah yang terkini bagi pembangunan aplikasi teknologi 5G dan dijangka akan mewujudkan sekurang-kurangnya 5,000 peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi, di mana hampir 1,500 adalah dalam kategori pengurusan, teknikal dan penyeliaan, termasuk bidang kejuruteraan. Pelaburan ini dijangkakan akan memperkuuh dan memantapkan ekosistem semikonduktor negara dan membuka peluang bagi syarikat-syarikat vendor tempatan terutamanya dalam bidang *advance electronics* untuk turut serta. Malah, AT&S telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan MIDA bagi menjalankan kerjasama dengan universiti dan institusi pengajian tempatan dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kerjasama pendidikan yang melibatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memperkuuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan dinamik. Selain daripada pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara secara

berperingkat, Kerajaan melalui MITI, MIDA dan MATRADE turut menjalankan usaha-usaha strategik berikut:

- i. Memperkenalkan Dasar Pelaburan Baharu Negara Berteraskan Aspirasi Pelaburan Negara (*National Investment Aspirations-NIA*) yang merupakan pendekatan berfokus dan bersasar dalam merencanakan agenda pelaburan nasional secara holistik dan inklusif untuk kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi negara;
- ii. Mempergiatkan misi-misi perdagangan dan pelaburan ke Republik Korea, Jepun, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Qatar, Republik Austria dan Republik Turki pada tahun ini, di mana MITI bersama MIDA dan MATRADE telah berjaya mendapatkan komitmen pelaburan yang tinggi iaitu sebanyak RM35.97 bilion dan berpotensi menjana lebih daripada 28,000 peluang pekerjaan. Ini termasuk potensi pelaburan daripada pengeluar automotif dunia dengan fasiliti di 30 negara iaitu Stellantis N.V.; pengeluar *sensor solutions* AMS AG-OSRAM bagi pengeluaran *wafer fabrication of 8nm microLED chips* dengan potensi pelaburan sebanyak RM7.96 bilion; dan syarikat global ternama, Turkish Technic dalam bidang Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baikpulih (MRO) yang akan bekerjasama dengan Sapura Technics di Lapangan Terbang Sultan Ismail di Senai, Johor; dan syarikat Turkish Airlines yang berminat untuk meneroka peluang dalam perkhidmatan Kargo Udara (*Air Cargo*) dengan menjadikan Malaysia sebagai hab syarikat berkenaan di rantau ASEAN;
- iii. Mengoptimumkan fasilitasi daripada penubuhan *Project Acceleration and Coordination Unit (PACU)* di MIDA dalam membantu mempercepatkan kelulusan dari pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di pelbagai peringkat supaya projek-projek dapat dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan dan dipantau dengan menggunakan teknologi digital melalui sistem *Implementation Tracking and Monitoring System (ITMS)* yang melibatkan:

- kelulusan Lesen Pengilangan fast track melalui platform digital e-Manufacturing Licence (e-ML) untuk industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua hari bekerja;
  - penambahbaikan *JPC Online Application Module* bagi permohonan pengecualian duti kastam; dan
  - platform digital e-incentive bagi permohonan untuk mendapatkan insentif cukai untuk aktiviti pembuatan am dan syarikat berskala kecil yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.
- iv. Bagi tahun 2020, daripada 1,049 projek yang diluluskan oleh Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan, sebanyak 439 projek (41.85%) telah memulakan operasi dalam tempoh 12 bulan. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 pula, 41 projek daripada 368 jumlah keseluruhan projek telah dilaksanakan (11.14%), manakala selebihnya adalah masih dalam fasa pembinaan dan pemasangan mesin dan peralatan. Dalam hal ini, MIDA akan sentiasa memantau perkembangan ini sehingga projek-projek yang diluluskan dapat dilaksanakan seperti yang ditetapkan.
- v. Menggerakkan sepenuhnya Pusat Sehenti (*One Stop Centre - OSC*) di MIDA bagi menilai permohonan pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi tujuan perdagangan dan pelaburan dengan wakil dari Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan dan MITI. Pelawat perniagaan ini termasuk ahli perniagaan dan pakar teknikal yang menyediakan khidmat nasihat teknikal dan pemasangan mesin dan peralatan. Semenjak OSC ditubuhkan pada 1 Mac 2021 sehingga 25 Ogos 2021, OSC telah meluluskan seramai 1,478 pelawat perniagaan yang layak untuk memasuki Malaysia bagi melancarkan aktiviti perdagangan dan pelaburan.
- v. Memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas sedia ada bagi menjana pelaburan melalui peruntukan pelaburan termasuk Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang akan menggalakkan pembangunan pelaburan intra-ASEAN;

- vi. Menganjurkan webinar dengan kolaborasi bersama dewan perniagaan, bank dan komuniti perniagaan antarabangsa seperti American-Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM), Malaysian-French Chamber of Commerce and Industry (MFCCI), EU-Malaysia Chamber of Commerce and Industry (EUROCHAM), China Enterprises Chamber of Commerce in Malaysia (CECCM), Deloitte, KPMG, HSBC, Standard Chartered dan UOB Bank;
- vii. Menandatangani perjanjian persefahaman dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti dewan perniagaan antarabangsa, institusi kewangan, agensi promosi pelaburan, syarikat multinasional, dan pemaju tanah untuk menarik pelaburan berkualiti ke negara ini;
- viii. Mengadakan E-Misi Pelaburan Khusus (*E-Specific Project Mission*) yang dijalankan oleh bahagian industri di MIDA bersama pelabur berpotensi di luar dan dalam negara secara *virtual* dalam menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia; dan
- ix. Menjalankan *media blitz* bagi mempromosikan Malaysia melalui media antarabangsa termasuk *Bloomberg* dan *The Economist*.

Tuan Yang di-Pertua,

Meskipun berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19 yang mencabar, MITI dan MIDA tetap komited untuk menjana pelaburan, termasuk FDI dan DDI. Kerajaan yakin bahawa kedudukan Malaysia yang strategik, persekitaran perniagaan dan ekosistem yang kondusif, serta inisiatif-inisiatif strategik berkaitan pelaburan akan terus menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan berdaya saing bagi menjamin kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo, mengapa keadaan jalan antara Sibu ke Bintulu begitu teruk dan mengancam keselamatan pengguna jalan itu, apakah sebab utama masalah tersebut selalu diulangi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kini sedang dilaksanakan secara konvensional dengan kerjasama JKR Sarawak susulan daripada penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (Project Delivery Partner Agreement – PDPA). Sehingga bulan Ogos 2021, status kemajuan terkini adalah 70% bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dari Telok Melano ke Miri dengan jangkaan siap sepenuhnya pada September 2022.

Berhubung aduan kerosakan jalan dan insiden kemalangan yang berlaku di sepanjang jajaran Sibu ke Bintulu, Kementerian Kerja Raya telah mengadakan pemeriksaan baru-baru ini dan mengenal pasti langkah-langkah penambahanbaikan khususnya dari aspek Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan – TMP) dan Audit Keselamatan Jalan (Road Safety Audit – RSA). Berikutan itu, JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa akan menggiatkan lagi pemantauan berterusan bagi memastikan pelaksanaan projek mengikut spesifikasi, kualiti dan selamat digunakan oleh pengguna jalan raya khususnya dari Sibu ke Bintulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD. HATTA MD.  
RAMLI (LUMUT)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA DR. MOHD. HATTA MD. RAMLI [ LUMUT ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) akan siap sepenuhnya dan apakah perancangan pembangunan sekitar lebuh raya tersebut yang boleh menjana ekonomi penduduk tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) terbahagi kepada dua kaedah. Satu kaedah dilaksanakan oleh syarikat konsesi lebuhraya yang dilantik yang melibatkan pembinaan lebuhraya bertol dan satu lagi kaedah melibatkan projek menaik taraf Laluan Persekutuan 5 (FR5) tidak bertol yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia.

(a) kaedah penswastaan bertol: Kemajuan keseluruhan projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting) (WCE) yang berakhir 15 Ogos 2021 adalah 77.58%. Pembukaan Lebuhraya WCE secara berperingkat telah bermula pada tahun 2019 melibatkan Seksyen 5 (Bandar Bukit Raja ke Kapar), Seksyen 8, 9 dan 10 (Hutan Melintang ke Beruas). Manakala baki seksyen yang lain bagi melengkapkan keseluruhan jajaran dijadualkan selewat-lewatnya pada tahun 2024.

Pada masa kini, kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan di bahagian jajaran yang belum dibuka melibatkan kerja tanah, pembinaan struktur dan jambatan, perparitan, cerun, turapan, kerja mekanikal dan elektrik, perabot jalan, bangunan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kemajuan pembinaan terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) bagi mengekang pandemik Covid-19.

(b) kaedah konvensional JKR: merujuk kepada pelaksanaan menaik taraf Laluan Persekutuan 5 (FR5) dibawah Jabatan Kerja Raya Malaysia terdapat satu fasa telah disiapkan manakala dua lagi fasa sedang dalam pembinaan. Fasa-fasa projek yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

i) Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 Dari Sabak Bernam Ke Hutan Melintang yang telah siap pembinaannya pada 25 Jun 2018;

- ii) Kerja Kerja Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan Ke Kg.Lekir) Perak Darul Ridzuan dijangka akan siap pada 16 Februari 2022 dengan kemajuan fizikal semasa di tapak ialah 88%; dan
- iii) Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 Dari Tanjong Karang Ke Sabak Bernam, Selangor dijangka akan siap pada 15 Disember 2021 dengan kemajuan fizikal semasa di tapak ialah 95%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL (TENOM)**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terbaru mengenai undang-undang untuk tidak menjadikan cubaan bunuh diri sebagai kesalahan jenayah di bawah Akta Kanun Keseksaan, bilakah ia akan dibentang dan dibahas di Parlimen dan dari tahun 2018 hingga hari ini berapa kes cubaan bunuh diri yang telah didakwa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara (AGC) telah mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia kerana berdasarkan statistik setakat 2015 insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Isu percubaan membunuh diri menjadi lebih meruncing pada masa ini kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu menjadikan ramai kehilangan sumber pendapatan atau hilang pekerjaan. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk menekan perbuatan tersebut.

Berdasarkan hasil kajian perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura, didapati negara-negara tersebut telah

## **SOALAN NO : 54**

mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan. Ini bermakna percubaan membunuh diri bukan lagi suatu kesalahan jenayah di negara-negara tersebut.

Oleh itu, berdasarkan perkembangan undang-undang berkaitan di negara yang dikaji, AGC sedang menimbang cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya.

AGC juga sedang meneliti dengan lebih lanjut pilihan perundangan yang ada serta implikasi perundangan sekiranya kesalahan percubaan membunuh diri dikeluarkan daripada sistem keadilan jenayah. Di samping itu, AGC sedang meneliti keperluan untuk meminda undang-undang lain yang berbangkit daripada pengeluaran kesalahan percubaan membunuh diri daripada sistem jenayah.

Manakala, bagi jumlah kes cubaan membunuh diri yang didakwa daripada tahun 2018 sehingga Jun 2021 ialah 902 kes. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 261 kes telah didakwa pada tahun 2018, 243 kes telah didakwa pada tahun 2019, 223 kes telah didakwa pada tahun 2020 dan sebanyak 175 kes telah didakwa dalam tempoh Januari hingga Jun 2021.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021**

**SOALAN**

**TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah menimbaangkan cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Awam (CUEPACS) supaya gaji penjawat awam bermula dengan RM2208 memandangkan kos sara hidup semakin meningkat dan nilai ringgit kian merosot.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa bersedia untuk menambahbaik gaji penjawat awam termasuk elauan-elaun yang berkaitan dengan kos sara hidup dan memastikan gaji anggota perkhidmatan awam kekal relevan dengan keadaan sosio-ekonomi semasa.

Saraan dalam perkhidmatan awam turut mengambil kira dasar-dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa, sebagai contoh Perintah Gaji Minimum yang dilaksanakan Kerajaan pada 2016 iaitu mewartakan gaji minimum kepada RM1,000.00 (di Semenanjung Malaysia) dan RM920.00 (Sabah, Sarawak dan Labuan). Sehubungan itu, gaji permulaan terendah dalam Perkhidmatan Awam telah dinaikkan kepada RM1,200.00 berkuat kuasa 1 Julai 2016.

## **SOALAN NO : 55**

Selain daripada gaji, penjawat awam turut menerima Imbuhan Tetap dan Bayaran Imbuhan Sara Hidup yang menyumbang kepada pendapatan bulanan penjawat awam. Di samping itu, Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) yang diterima pada setiap tahun juga dapat membantu menangani peningkatan kos sara hidup. Bagi mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup, Kerajaan telah pun menaikkan kadar Bayaran Sara Hidup (BSH) sebanyak RM50.00 sebulan kepada penjawat awam Kumpulan Pelaksana mulai 1 Januari 2020 yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Awam (CUEPACS) supaya gaji penjawat awam bermula dengan RM2,208.00 selaras dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 dan kenaikan kos sara hidup, Kerajaan juga pada dasarnya telah bersetuju supaya Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang digunakan sejak tahun 2002 dikaji semula mengambil kira keadaan semasa terutamanya berkaitan paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 serta dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan. Input-input ini akan diambil kira dalam pembentukan struktur gaji baharu Perkhidmatan Awam. Namun begitu, sebarang penambahbaikan ke atas saraan Perkhidmatan Awam adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 56**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara teliti langkah proaktif Kerajaan untuk mengatasi kemerosotan ekonomi negara yang mencatat kemerosotan -5.6% pada tahun 2020 sehingga menimbulkan masalah sosial serius termasuk 4 orang rakyat Malaysia bunuh diri hampir setiap hari.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif untuk mengatasi kemerosotan ekonomi akibat wabak pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah pakej rangsangan ekonomi. Pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan merupakan sebahagian daripada enam pendekatan utama untuk memulihkan ekonomi negara kesan daripada pandemik COVID-19 iaitu Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilient*), Memulakan Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun Semula (*Reform*). Enam pendekatan utama ini adalah bagi memastikan ekonomi dapat kembali berada pada landasan pertumbuhan yang mampan.

Sehingga hari ini, Kerajaan telah memperkenalkan lapan pakej rangsangan ekonomi dan bantuan rakyat berjumlah RM530 bilion untuk memelihara kesejahteraan rakyat, memastikan kelangsungan perniagaan dan merangsang ekonomi. Pakej rangsangan yang telah diperkenalkan semasa awal penularan COVID-19 memberi fokus untuk menjaga kesejahteraan rakyat, menyokong kelestarian perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dan memastikan kelangsungan kegiatan ekonomi utama. Ianya turut merangkumi langkah-langkah untuk melindungi pekerjaan dan meringankan beban kehidupan seperti program subsidi upah, Bantuan Prihatin Rakyat, program i-Sinar KWSP serta memperkenalkan tempoh moratorium dan pengurangan ansuran pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua,

Pakej-pakej rangsangan yang telah diperkenalkan di bawah pendekatan kelima iaitu Memperkasa (*Revitalize*) pula memberi fokus kepada tiga aspek utama iaitu melindungi nyawa melalui pengukuhan sistem kesihatan awam dan vaksinasi kebangsaan, melindungi rakyat serta menjamin kelangsungan perniagaan. Ianya merangkumi langkah-langkah untuk melindungi rakyat dan menyokong perniagaan serta membolehkan pemberian bantuan kepada golongan sasar. Selain itu, inisiatif yang diperkenalkan juga bertujuan untuk memperkuuh kedudukan ekonomi serta mempercepat pelaksanaan program vaksinasi bagi mengawal dan memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada 15 Jun 2021. PPN merupakan strategi peralihan keluar dari krisis COVID-19 secara berfasa, teratur dan selamat. Sebagai sebuah pelan yang berpandangan ke hadapan dan anjal, PPN bertujuan untuk memastikan keseimbangan dalam usaha menyelamatkan nyawa, memastikan kelangsungan hidup rakyat dan memelihara kesejahteraan ekonomi. PPN mengguna pakai pendekatan seluruh negara dalam menangani krisis wabak ini dengan menggembung usaha semua pihak termasuk kerajaan negeri, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan atau NGO, pakar-pakar malah kerjasama dengan parti-parti politik.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang merupakan rancangan pembangunan lima tahun negara, akan

dibentangkan di Dewan Rakyat pada 27 September 2021 akan menggariskan tindak balas dasar yang menyeluruh dalam mendepani situasi yang mencabar akibat pandemik COVID-19. Strategi yang akan dilaksanakan dalam RMKe-12 akan mengambil kira pelbagai usaha untuk memulih dan menjana semula ekonomi yang terkesan disebabkan oleh COVID-19 serta menangani isu struktur ekonomi bagi memastikan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan. Selain itu, pelbagai langkah bagi membantu pemulihan ekonomi dan kesejahteraan rakyat akan diperkenalkan dalam Bajet 2022 yang akan dibentangkan pada 29 Oktober 2021.

Kesemua langkah proaktif yang diperkenalkan oleh Kerajaan adalah bagi memastikan setiap lapisan rakyat terbela. Kerajaan percaya bahawa dengan pendekatan dan langkah yang telah diambil untuk menangani kesan daripada pandemik COVID-19, ekonomi negara akan kembali kukuh, berdaya tahan dan mapan bagi memastikan kebijakan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Perdana Menteri

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM**  
**[PASIR GUDANG]**  
**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang bagi memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan pendakwaan di mahkamah tanpa perlu lagi merujuk kepada Peguam Negara atau Pendakwa Raya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal undang-undang memberikan kuasa kepada SPRM untuk melakukan pendakwaan di mahkamah tanpa perlu merujuk kepada Peguam Negara atau Pendakwa Raya.

Sistem pengasingan kuasa yang di amalkan sekarang iaitu pembahagian kuasa pemerintahan kepada tiga badan iaitu Pemerintah (Eksekutif), Perundangan (Legislatif) dan Kehakiman (Judisiari) adalah sistem yang diamalkan sejak kemerdekaan hingga sekarang.

Pemberian kuasa kepada sesuatu agensi penguatkuasaan menyiasat dan mendakwa suatu kes akan membawa kepada pelanggaran prinsip-prinsip pengasingan kuasa dan mekanisme semak dan imbang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[SEKIJANG]**

**TARIKH : 14 September 2021 (Selasa)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [ SEKIJANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang ada untuk pasangan asing rakyat Malaysia yang telah bercerai bagi mendapatkan hak penjagaan bersama dan nafkah anak mereka yang berstatus warganegara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hal ehwal berkaitan perkahwinan dan perceraian bagi pasangan bukan beragama Islam adalah ditadbir oleh Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]. Apa-apa permohonan berbangkit daripada perceraian termasuklah kes tuntutan untuk mendapatkan hak penjagaan bersama dan nafkah anak adalah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi. Bagi pasangan warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing, permohonan tersebut boleh difailkan di Mahkamah Tinggi dengan syarat perkahwinan tersebut telah didaftarkan di Malaysia.

**Input daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia:**

Bagi pasangan yang beragama Islam, permohonan untuk mendapatkan hak penjagaan bersama dan nafkah anak yang melibatkan pasangan warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing adalah berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 4 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] –

**Seksyen 4. Pemakaian**

Kecuali sebagaimana diperuntukkan dengan nyata selainnya, Akta ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Wilayah Persekutuan dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan tetapi tinggal di luar Wilayah Persekutuan.

Bahawa sesuatu tuntutan/permohonan kes di Mahkamah Syariah adalah berdasarkan kepada pemastautinan dan tempat tinggal pihak-pihak tanpa mengira status warganegara. Walau bagaimanapun sesuatu tuntutan/permohonan itu hendaklah dibuat selagi mana pihak-pihak berada di dalam negara ini kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar sesuatu tuntutan/permohonan yang difaikkan luar dari negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI  
ABDUL KARIM [ BATANG LUPAR ]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi kepada kelonggaran yang diberikan Kerajaan kepada penerima lengkap vaksin COVID-19 yang mencetuskan kegusaran lebih-lebih lagi dengan kewujudan varian Delta, Delta Plus dan Lambda yang dapat menjangkiti individu dalam masa 15 saat jika terdedah dengan virus ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

Peningkatan kadar penerima vaksin lengkap di kalangan populasi dewasa negara dijadikan asas untuk memberikan kemudahan kepada golongan yang telah divaksin lengkap untuk menggerakkan kembali sektor ekonomi dan pendapatan rakyat yang teruk terjejas.

Semua kemudahan yang diberikan ini adalah seiring dengan pematuhan SOP Pelan Pemulihan Negara yang mana sebagai garis panduan untuk masyarakat kembali melakukan aktiviti kehidupan senormal yang boleh dan pada masa yang sama menjaga diri daripada dijangkiti virus COVID-19 dan juga sebagai jalan keluar daripada pendekatan *lockdown*.

Kemudahan ini juga diberikan bersama dengan penilaian risiko yang mengambil kira kehadiran varian Delta, Delta Plus dan Lambda. Kelonggaran yang diberikan ini dibuat secara berhati-hati dengan mengambil kira perkembangan di seluruh dunia dan juga keutamaan untuk pemulihan ekonomi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[PASIR MAS]**

**TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 60**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan isu tuntutan royalti minyak oleh Kerajaan negeri Kelantan terhadap PETRONAS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya bersama mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) telah mempengerusikan mesyuarat bersama agensi Kerajaan Persekutuan pada 14 Jun 2021 bagi meneliti setiap tuntutan Kerajaan Negeri Kelantan berhubung bayaran tunai daripada hasil petroleum.

Hampir keseluruhan isu dan tuntutan yang dibangkitkan Kerajaan Negeri Kelantan menyentuh perkara berkaitan perundangan khususnya berkenaan Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 [Akta 440] serta pemakaian Kanun Tanah Negara yang dibaca bersama Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750].

Rujukan perundangan tersebut merupakan antara asas pertimbangan utama Kerajaan Persekutuan kepada hampir kesemua tuntutan Kerajaan Negeri.

Hal-hal mengenai tuntutan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan akan dibincangkan semasa pertemuan antara YAB Menteri Besar Negeri Kelantan dan YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Perdana Menteri